

PENYATA KEWANGAN BERAUDIT 2012

Laporan Pengarah

Penyata Pengarah-Pengarah

Akuan Berkanun

Laporan Jawatankuasa Syariah

Laporan Juruaudit Bebas

Penyata Pendapatan Komprehensif

Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Perubahan dalam Ekuiti

Penyata Aliran Tunai

Nota bagi Penyata Kewangan



Investment Securities


The Bank's investment securities portfolio comprises financial investments available-for-sale ("AFS") and financial investments held-to-maturity ("HTM"). The Bank's gross investment securities portfolio increased by RM1,141 million (19.6%) to RM3,461.7 million in 2012. The gross investment securities balance is attributable to an increase in MGS holding and corporate bonds amounting to RM1,141 million and RM369.5 million, respectively. As at 31 December 2012, 93.8% and 6.2% of the Bank's gross investment securities were held in financial investments AFS and financial investments HTM, respectively.

daripada pelaburan ("AFS") dan pelaburan ("HTM"). Portfolio ini berjumlah RM567.1 juta pada 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam bon korporat masing-masing RM369.5 juta. Pada 31 Disember 2012, 93.8% daripada pelaburan ini adalah daripada pelaburan AFS dan 6.2% daripada pelaburan HTM.

Keuntungan Sebelum Cukai dan
Profit Before Tax Expense at

Year	Value
2008	150.3
2009	182.0
2010	376.8

- Bon korporat
Corporate Bonds
- Sekuriti Kerajaan Malaysia
Malaysian Government Securities
- Saham tersiar harga
Quoted shares
- Kertas perdagangan
Commercial papers



Instrumen Sekuriti Pelaburan Pada 31 Disember 2012 (RM juta)
Investment Securities Instruments as at 31 December 2012 (RM mil)

Memegang Saham
Shareholder's Equity (RM mil)



Nisbah Modal Berwajaran
Risk-weighted Capital Ratio



Pulangan
Return



PENYATA KEWANGAN 2012

LAPORAN PENGARAH

Pengarah-pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Bank yang beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama Bank ialah perbankan, pembiayaan, pelaburan dan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad, 2008.

Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama Bank sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	439,788
Cukai	(6,572)
Zakat	(2,082)
Keuntungan bersih bagi tahun	431,134

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Bank sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa.

DIVIDEN

Jumlah dividen yang dibayar oleh Bank sejak 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 seperti yang dilaporkan dalam laporan pengarah tahun itu, dividen akhir sebanyak 3% ditolak cukai, ke atas 1,000,000,000 saham biasa berjumlah RM22.5 juta telah diisytiharkan pada 26 Mei 2012 dan dibayar pada 26 Julai 2012.

Para pengarah mencadangkan dividen akhir sebanyak 3% selepas cukai 25% berjumlah RM22.5 juta bagi tahun kewangan semasa. Dividen ini tertakluk kepada kelulusan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Bank yang akan datang. Oleh itu, dividen yang dicadangkan itu tidak dimasukkan sebagai liabiliti dalam penyata kewangan.

TERBITAN SAHAM DAN DEBENTUR

Bank tidak menerbitkan sebarang saham baru atau debentur sepanjang tahun kewangan.

OPSYEN SAHAM

Tiada opsyen diberikan oleh Bank kepada mana-mana pihak untuk melangani saham-saham Bank yang belum diterbitkan sepanjang tahun kewangan.

Tiada saham diterbitkan sepanjang tempoh kewangan menerusi pelaksanaan sebarang opsyen bagi melangani saham-saham Bank yang belum diterbitkan. Pada akhir tahun kewangan, tiada saham Bank yang belum diterbitkan di bawah opsyen.

PENGARAH-PENGARAH BANK

Pengarah-pengarah yang berkhidmat di Bank sejak tarikh laporan yang lepas adalah:

Y. Bhg Tan Sri Faizah Mohd Tahir (Pengerusi)

Y. Bhg Dato' Wan Mohd Fadzmi Wan Othman (Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif)

Y. Bhg Datuk Dr. Saharan Haji Anang

Puan Rashidah Mohd Sies

Y. Bhg Datuk Johar Che Mat

Encik Ng Chih Kaye

Y. Bhg Datin Ruzaina Wan Haniff (Meletak jawatan pada 28 Februari 2013)

Encik Md. Hilmi Datuk Haji Md. Noor

Y. Bhg Dato' Che Mohd Hashim Abdullah

KEPENTINGAN PENGARAH

Tiada pengarah yang berkhidmat pada akhir tahun kewangan ini memegang saham atau mempunyai kepentingan dalam saham Bank sepanjang dan pada akhir tahun kewangan. Selaras dengan Artikel Pertubuhan Bank, pengarah tidak dikehendaki untuk memegang sebarang saham dalam Bank.

FAEDAH PENGARAH

Tiada sebarang urusan di sepanjang dan pada akhir tahun kewangan yang bertujuan untuk membolehkan para pengarah Bank memperoleh manfaat melalui perolehan saham atau debentur Bank atau sebarang badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah yang telah menerima atau layak untuk menerima faedah (selain daripada faedah yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan diterima oleh para pengarah daripada Bank dan perbadanan berkaitan, atau gaji tetap seorang kakitangan sepenuh masa Bank seperti yang dinyatakan dalam Nota 32 kepada penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Bank atau sebuah perbadanan yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang kukuh.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif Bank disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
 - (i) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan hapuskira hutang serta pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi pinjaman dan pembiayaan terjejas dan mereka berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi pinjaman dan pembiayaan terjejas, dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak berkemungkinan direalisasikan nilainya seperti melalui urusan perniagaan biasa yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan telah dikurangkan nilainya kepada satu jumlah yang dijangka boleh direalisasi.

- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang akan apa-apa keadaan yang timbul di dalam laporan ini atau penyata kewangan Bank yang boleh menyebabkan:
- (i) jumlah yang dihapuskan bagi hutang dan pembiayaan lapuk atau jumlah peruntukan pinjaman dan pembiayaan terjejas dalam penyata kewangan Bank tidak mencukupi pada tahap yang ketara dan,
 - (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Bank ini mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul di mana boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Bank mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Bank yang boleh menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) sebarang cagarang ke atas aset Bank yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka Bank yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini selain daripada yang ditanggung dalam urusan perniagaan biasa Bank seperti yang dinyatakan dalam Nota 31 kepada penyata kewangan.
- (f) Pada pendapat para pengarah:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Bank untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya kelak; dan
 - (ii) tiada sebarang perkara, urusan atau peristiwa penting dan luar biasa keadaannya telah timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang berkemungkinan akan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Bank bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

SYARIKAT INDUK

Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Agrobank") adalah dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan bagi pihak kerajaan Malaysia.

JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Ernst & Young, telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Pengarah-pengarah bertarikh 28 Mac 2013.



TAN SRI FAIZAH MOHD TAHIR



DATO' WAN MOHD FADZMI WAN OTHMAN

KENYATAAN OLEH PENGARAH

KENYATAAN OLEH PENGARAH

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, **TAN SRI FAIZAH MOHD TAHIR** dan **DATO' WAN MOHD FADZMI WAN OTHMAN** merupakan dua daripada para pengarah **BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 150 hingga 261 disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank pada 31 Disember 2012 dan keputusan kendalian perniagaan dan aliran tunai Bank bagi tahun berakhir.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para pengarah bertarikh 28 Mac 2013.



TAN SRI FAIZAH MOHD TAHIR



DATO' WAN MOHD FADZMI WAN OTHMAN

AKUAN BERKANUN

Menurut Seksyen 169 (16) Akta Syarikat, 1965



Saya, **SYED NAUFAL SHAHABUDIN BIN SYED ABDUL JABBAR SHAHABUDIN**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD**, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 150 hingga 261 adalah pada pendapat saya betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.



**SYED NAUFAL SHAHABUDIN BIN
SYED ABDUL JABBAR SHAHABUDIN**

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama di atas
SYED NAUFAL SHAHABUDIN BIN SYED ABDUL JABBAR SHAHABUDIN
di **KUALA LUMPUR** dalam Wilayah Persekutuan pada
28 Mac 2013.

Dihadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAAH MALAYSIA

PESURUHJAYA SUMPAAH

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Dengan nama Allah, Yang Maha Penyayang lagi Maha Mengasihani

Selaras dengan surat pelantikan, kami dikehendaki untuk mengemukakan laporan berikut:

Kami telah meneliti prinsip-prinsip dan kontrak-kontrak yang berkaitan dengan transaksi dan aplikasi yang diperkenalkan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad pada tahun berakhir 31 Disember 2012. Kami juga telah menjalankan kajian kami untuk membentuk pendapat sama ada Bank Pertanian Malaysia Berhad telah mematuhi prinsip-prinsip Syariah dan dengan peruntukan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, serta keputusan Syariah yang dibuat oleh kami.

Pengurusan Bank Pertanian Malaysia Berhad bertanggungjawab untuk memastikan bahawa institusi kewangan menjalankan perniagaan selaras dengan prinsip Syariah. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyatakan pendapat yang bebas, berdasarkan kajian kami terhadap operasi Bank Pertanian Malaysia Berhad dan melaporkan kepada anda.

Kami telah menyemak kerja yang dijalankan oleh kajian Syariah dan audit Syariah yang mana termasuk memeriksa, atas dasar ujian, setiap jenis transaksi, dokumentasi dan prosedur penting yang diterima pakai oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad.

Kami telah merancang dan menjalankan semakan untuk memperolehi semua maklumat dan penjelasan yang kami anggap perlu untuk memberikan kami bukti yang mencukupi untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa Bank Pertanian Malaysia Berhad tidak melanggar prinsip-prinsip Syariah.

Pada pendapat kami:

- (a) Kontrak, transaksi dan urusan yang dilakukan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad pada tahun berakhir 31 Disember 2012 yang telah kami semak adalah mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Bagi kes-kes di mana ia telah dikenal pasti sebagai tidak memenuhi unsur-unsur tertentu di bawah prinsip Syariah berhubung dengan konsep Bai 'Bithaman Ajil (BBA), langkah-langkah pemulihan telah dikenal pasti dan usaha-usaha pembedahan yang berterusan ke atas akaun-akaun yang terlibat sedang dilaksanakan. Sekiranya akaun terjejas tidak boleh diperbaiki, pendapatan tersebut akan dipisahkan di bawah kategori yang berbeza dan tidak akan diiktiraf sebagai pendapatan Bank.
- (b) Peruntukan keuntungan dan caj kerugian berkaitan akaun pelaburan mematuhi dasar yang telah diluluskan oleh kami mengikut prinsip-prinsip Syariah.
- (c) Semua pendapatan yang telah diperolehi daripada sumber-sumber atau dengan cara yang dilarang oleh prinsip-prinsip Syariah telah dipertimbangkan untuk pelupusan kepada kebajikan: dan
- (d) Pengiraan zakat adalah selaras dengan prinsip-prinsip Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Pertanian Malaysia Berhad, dengan ini mengesahkan bahawa operasi Bank Pertanian Malaysia Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 telah dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah.



Prof. Madya Dr. Atikullah Hj. Abdullah
Pengerusi Jawatankuasa



Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir
Ahli Jawatankuasa



Prof. Dr. Saiful Azhar Rosly
Ahli Jawatankuasa



En. Mohd. Zakhiri Md. Nor
Ahli Jawatankuasa

LAPORAN JURUADIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Bank Pertanian Malaysia Berhad, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 December 2012, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar penting perakaunan dan lain-lain maklumat seperti mana disertakan pada muka surat 150 hingga 261.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Para Pengarah bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Para Pengarah bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah menyatakan pendapat tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah melaksanakan audit tersebut menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mendapatkan kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko yang salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan penyata kewangan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Bank. Sesuatu audit juga melibatkan penilaian tentang kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank pada 31 Disember 2012 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Laporan mengenai keperluan undang-undang dan penguatkuasaan lain

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang wajib disimpan oleh Bank di bawah Akta telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Bank, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Bertauliah

Nik Rahmat Kamarulzaman bin Nik Ab. Rahman
No. 1759/02/14(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
28 March 2013

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000
Pendapatan faedah	5	181,272	230,473
Perbelanjaan faedah	6	(87,408)	(83,335)
Pendapatan faedah bersih		93,864	147,138
Pendapatan Perbankan Islam	34(a)	508,788	405,410
		602,652	552,548
Pendapatan bukan faedah:			
Pendapatan yuran dan lain-lain operasi	7(a)	18,378	43,940
Keuntungan sekuriti pelaburan	7(b)	241,630	18,831
Pendapatan bersih		862,660	615,319
Perbelanjaan pampasan		(18,021)	-
Perbelanjaan overhead	8	(350,257)	(310,021)
Keuntungan operasi		494,382	305,298
Geran Kerajaan	9	17,423	15,057
Keuntungan operasi bersih		511,805	320,355
(Caj)/Pembalikan penjejasan pinjaman	10	(72,280)	57,101
Pembalikan/(Caj) penjejasan pelaburan	11	263	(885)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		439,788	376,571
Cukai	12	(6,572)	18,608
Zakat	13	(2,082)	(4,272)
Keuntungan bersih bagi tahun		431,134	390,907
Lain-lain pendapatan komprehensif			
Keuntungan/(kerugian) tidak direalisasi atas perubahan nilai saksama sekuriti pelaburan tersedia untuk dijual		16,383	(58,422)
Pindahan kepada keuntungan dan kerugian ke atas jualan sekuriti pelaburan tersedia untuk dijual		(237,167)	(11,380)
Cukai pendapatan berkaitan dengan lain-lain komponen pendapatan komprehensif		54,560	17,596
Lain-lain kerugian komprehensif bagi tahun selepas cukai		(166,224)	(52,206)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		264,910	338,701

Nota - nota iringan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2012

	Nota	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
ASET				
Tunai dan dana jangka pendek	14	1,827,012	3,413,040	2,756,301
Simpanan dengan institusi kewangan	15	-	20,000	-
Sekuriti pelaburan	16	3,459,062	2,884,941	2,695,411
Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan	17	5,827,907	5,405,351	4,804,635
Lain-lain aset	18	95,920	116,246	97,453
Pajakan prabayar	19	5,627	5,702	5,776
Hartanah, loji dan peralatan	20	185,229	191,228	188,104
Aset tidak ketara	21	20,898	23,556	22,761
JUMLAH ASET		11,421,655	12,060,064	10,570,441
LIABILITI DAN EKUITI				
Liabiliti				
Deposit dan simpanan pelanggan	23	7,036,217	7,723,069	6,452,754
Lain-lain liabiliti				
Pelbagai pemiutang dan akruan	24(a)	162,935	154,595	134,956
Tabung Pampasan Kredit Padi	24(b)	2,185	2,249	2,171
Liabiliti cukai tertunda	22	32,321	80,390	116,310
Dana Skim Pinjaman	25	1,639,626	1,775,404	1,856,233
Geran Kerajaan	26	41,872	54,877	67,724
Geran Pelancaran	27	21,598	26,016	28,227
Geran Kerajaan - Dana	28	16,508	17,481	24,784
Jumlah Liabiliti		8,953,262	9,834,081	8,683,159
Ekuiti				
Modal saham	29	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Rizab	30	1,468,393	1,225,983	887,282
Jumlah Ekuiti		2,468,393	2,225,983	1,887,282
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI		11,421,655	12,060,064	10,570,441

Nota - nota iringan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Rizab tidak boleh diagihkan			Rizab boleh diagihkan	
	Modal saham	Rizab berkanun	Rizab penilaian semula pelaburan	Pendapatan tertahan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari 2012	1,000,000	487,109	487,943	250,932	2,225,983
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	431,134	431,134
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(166,224)	-	(166,224)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(166,224)	431,134	264,910
Pembayaran dividen	-	-	-	(22,500)	(22,500)
Baki pada 31 Disember 2012	1,000,000	487,109	321,719	659,566	2,468,393

	Rizab tidak boleh diagihkan			Rizab boleh diagihkan	
	Modal saham	Rizab berkanun	Rizab penilaian semula pelaburan	Pendapatan tertahan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari 2011	1,000,000	291,655	540,149	55,478	1,887,282
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	390,907	390,907
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(52,206)	-	(52,206)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(52,206)	390,907	338,701
Pindah daripada pendapatan tertahan	-	195,454	-	(195,454)	-
Baki pada 31 Disember 2011	1,000,000	487,109	487,943	250,932	2,225,983

Nota - nota iringan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012	2011
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	439,788	376,571
Pelarasan bagi:		
Caj penjejasan pinjaman	105,480	100,036
Hapuskira hutang lapuk dan pembiayaan	261	3,987
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	26,924	25,759
Pelunasan perisian komputer	13,628	10,537
Perbelanjaan faedah/keuntungan atas pinjaman/pembiayaan daripada Kerajaan dan OECF	5,757	5,833
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan	396	496
Pelunasan pajakan prabayar	75	57
Hapuskira perisian komputer	93	1
Keuntungan atas jualan sekuriti pelaburan	(244,067)	(8,887)
Dividen dari sekuriti pelaburan	(10,908)	(14,836)
Pelunasan bagi:		
Geran kerajaan	(12,788)	(12,651)
Geran pelancaran	(3,316)	(2,140)
Keuntungan atas jualan hartanah, loji dan peralatan	-	(375)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	321,323	484,388
Perubahan dalam pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan	(528,610)	(710,957)
Perubahan dalam lain-lain aset	20,320	(18,787)
Perubahan dalam deposit dengan institusi kewangan	20,000	(20,000)
Perubahan dalam deposit pelanggan	(686,852)	1,270,316
Perubahan dalam pelbagai pemiutang	9,112	16,780
Perubahan dalam Skim Pampasan Kredit Padi	(64)	78
Perubahan dalam liabiliti cukai tertunda	(54,560)	(17,596)
Tunai (digunakan dalam)/dari aktiviti operasi	(899,331)	1,004,222
Bayaran cukai	(74)	246
Bayaran zakat	(2,854)	(1,381)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dari aktiviti operasi	(902,259)	1,003,087

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012	2011
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pertambahan dalam sekuriti pelaburan	(1,807,079)	(884,472)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(21,321)	(29,516)
Pembelian perisian komputer	(11,063)	(11,332)
Pendapatan daripada jualan sekuriti pelaburan	1,310,801	651,622
Penerimaan dividen dari sekuriti pelaburan	10,908	14,836
Pendapatan dari jualan hartanah, loji dan peralatan	-	530
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(517,754)	(258,332)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Faedah/keuntungan dibayar atas pinjaman daripada Kerajaan dan OECF	(4,909)	(3,345)
Pertambahan dalam:		
Tabung Untuk Makanan ("3F")	652	-
Skim Kredit Pengeluaran Makanan ("SKPM")	250	250
Dana Enterpris Mikro	14,493	28,329
Dana Khas Sektor Perikanan Terengganu ("DKSP")	(661)	(1,086)
Pembayaran Dana Skim Pinjaman	(147,968)	(106,619)
Perbezaan tukaran matawang asing	(4,053)	(5,279)
Penggunaan geran Pelancaran	(1,102)	(71)
Penggunaan geran Kerajaan	(217)	(195)
Dividen dibayar	(22,500)	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(166,015)	(88,016)
(PENGURANGAN)/PERTAMBAHAN BERSIH TUNAI DAN TUNAI SETARA	(1,586,028)	656,739
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AWAL TAHUN	3,413,040	2,756,301
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AKHIR TAHUN	1,827,012	3,413,040
TUNAI DAN TUNAI SETARA TERDIRI DARIPADA:		
Tunai dan dana jangka pendek (Nota 14)	1,827,012	3,413,040
	1,827,012	3,413,040

Nota - nota iringan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

1. MAKLUMAT AM

Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Bank") adalah sebuah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Kegiatan utama Bank adalah perkhidmatan perbankan, pembiayaan, pelaburan dan yang berkaitan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad, 2008.

Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama Bank sepanjang tahun kewangan.

Pejabat berdaftar terletak di Aras 3, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tempat utama perniagaan Bank adalah di Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata kewangan ini telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah melalui resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Mac 2013.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Bank telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan.

2.1 Penyata pematuhan

Penyata kewangan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Ini adalah penyata kewangan tahunan pertama Bank disediakan menurut MFRS dan MFRS 1 Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS 1") telah digunakan.

Dalam tahun-tahun kewangan sebelum ini, penyata kewangan Bank telah disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") di Malaysia seperti yang diubahsuai mengikut Garis Panduan Bank Negara Malaysia. Kesan kewangan yang timbul daripada peralihan kepada MFRS dinyatakan dalam Nota 3.2.

2.2 Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi Bank, dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000) kecuali dinyatakan sebaliknya.

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 Ringkasan dasar perakaunan penting

(a) Asas perakaunan

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini dan di dalam penyediaan penyata pembukaan MFRS bagi kedudukan kewangan Bank pada 1 Januari 2011 (tarikh peralihan kepada Rangka MFRS), kecuali dinyatakan sebaliknya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan penting (sambungan)

(b) Pengiktirafan Pendapatan

Faedah diiktiraf sebagai pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah dalam penyata pendapatan komprehensif bagi semua faedah instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai sekuriti pelaburan dipegang sehingga matang ("HTM"), tersedia untuk dijual ("AFS") atau pinjaman dan belum terima dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah pengiraan kos pelunasan aset kewangan atau liabiliti kewangan (atau kumpulan aset dan liabiliti) dan mengagihkan pendapatan faedah atau perbelanjaan faedah sepanjang tempoh yang berkenaan. Kadar faedah efektif adalah kadar yang memberi diskaun jangkaan bayaran tunai masa depan dengan tepat atas penerimaan melalui jangka hayat instrumen kewangan atau apabila dalam keadaan sesuai, tempoh lebih singkat kepada jumlah bawaan bersih aset kewangan atau liabiliti kewangan. Penggunaan kaedah tersebut mempunyai kesan pada pengiktirafan pendapatan (dan perbelanjaan) belum terima (atau belum bayar) ke atas instrumen pada kadar yang sama rata berasaskan kepada jumlah yang belum dijelaskan sehingga tempoh matang atau pembayaran balik.

Dalam pengiraan faedah efektif, Bank menganggarkan aliran tunai dengan mengambilkira kontrak instrumen kewangan tetapi tidak termasuk kerugian kredit masa depan. Fi, termasuk penebusan awal, dimasukkan dalam pengiraan setakat yang ia boleh diukur dan dianggap sebagai sebahagian daripada kadar faedah efektif. Aliran tunai yang timbul daripada kos langsung dan tambahan pengeluaran instrumen kewangan juga diambil kira dalam pengiraan faedah efektif. Jika anggaran aliran tunai dari instrumen kewangan tidak dapat dilaksanakan, faedah efektif dikira dengan merujuk kepada pembayaran atau penerimaan yang dinyatakan dalam kontrak dan tempoh kontrak penuh.

Fi dan komisyen diiktiraf berdasarkan asas akruan apabila perkhidmatan diberikan melainkan ianya termasuk dalam kadar pengiraan kos efektif.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran dikenalpasti. Dalam penyata kewangan ini, pendapatan dividen diiktiraf apabila ianya diterima atau pasti diterima.

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akruan selaras dengan syarat-syarat perjanjian.

(c) Geran kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat yang dilampirkan akan dipenuhi. Jika geran berkaitan dengan aset, nilai saksama diiktiraf sebagai geran modal tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dilunaskan kepada keuntungan atau kerugian berdasarkan jangka hayat guna aset berkaitan dengan anuran tahunan yang sama.

Pemberian daripada Kerajaan Malaysia terdiri daripada geran belanja modal, geran pembangunan dan geran pelancaran. Geran belanja modal dan geran pembangunan yang belum digunakan ditunjukkan secara berasingan daripada sumber lain dana Bank. Geran belanja modal diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif berdasarkan tempoh hayat guna aset. Perbelanjaan pembangunan dikurangkan daripada geran Kerajaan apabila digunakan.

Geran pelancaran yang diterima untuk perbelanjaan modal yang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif berdasarkan asas sistematik mengikut hayat berguna aset tersebut manakala geran pelancaran bagi perbelanjaan pembangunan ditolak daripada geran pelancaran apabila digunakan.

d) Aset dan Liabiliti Kewangan

(1) Pengiktirafan Awal dan Pengukuran Berikutnya

Instrumen kewangan dikelaskan dalam kategori berikut - pinjaman dan penerimaan, pelaburan kewangan dipegang sehingga matang dan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual.

Pihak pengurusan menentukan klasifikasi instrumen kewangan pada pengiktirafan awal.

(i) Pinjaman dan penerimaan

Pinjaman dan penerimaan adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau pembayaran yang boleh ditentukan dalam pasaran aktif tidak disebut harga. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini termasuk tunai dan baki di bank dan pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan. Aset-aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga langsung dan tambahan, dan seterusnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. Pendapatan faedah atas pinjaman dan penerimaan diiktiraf sebagai "Pendapatan Faedah" dalam penyata pendapatan komprehensif.

Kerugian penjejasan ke atas pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sebagai "Peruntukan penjejasan Pinjaman, Pembiayaan dan Pendahuluan".

(ii) Dipegang sehingga matang ("HTM")

Pelaburan kewangan dipegang sehingga matang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan di mana pengurusan berhasrat dan berupaya memegang sehingga matang. Aset-aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama termasuk kos urusniaga langsung dan kos urusniaga tambahan, dan seterusnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. Faedah ke atas pelaburan dipegang sehingga matang adalah termasuk dalam "Pendapatan Faedah" dalam keuntungan atau kerugian. Kerugian penjejasan, jika ada, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sebagai "Penjejasan Pelaburan". Kebiasaannya pembelian dan penjualan pelaburan kewangan dipegang sehingga matang pelaburan diiktiraf pada tarikh penyelesaian. Jika Bank menjual atau mengklasifikasikan semula pelaburan kewangan dipegang sehingga matang, semua kategori yang akan terlibat akan dikelaskan semula kepada Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual. Bank juga tidak dibenarkan untuk mengklasifikasikan pelaburan kewangan dipegang sehingga matang untuk dua tahun berikutnya.

(iii) Tersedia untuk dijual ("AFS")

Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual adalah aset kewangan bukan derivatif yang ditentukan sebagai tersedia untuk dijual dan tidak dikategorikan ke dalam mana-mana kategori yang lain di atas. Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual termasuk aset kewangan yang bertujuan untuk dipegang bagi tempoh masa yang tidak terbatas, yang boleh dijual sebagai tindak balas kepada keperluan kecairan atau perubahan dalam keadaan pasaran. Aset-aset kewangan diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama termasuk kos urusniaga langsung dan tambahan, dan seterusnya diukur pada nilai saksama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan penting (sambungan)

d) Aset dan Liabiliti Kewangan (sambungan)

(1) Pengiktirafan Awal dan Pengukuran Berikutnya (sambungan)

(iii) Tersedia untuk dijual ("AFS") (sambungan)

Keuntungan dan kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif di bawah pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi kerugian penjejasan, yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika pelaburan tersedia untuk dijual terjejas, keuntungan atau kerugian terkumpul sebelumnya ini diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Begitu juga, apabila penjualan pelaburan tersedia untuk dijual, keuntungan atau kerugian nilai saksama terkumpul yang diiktiraf dalam ekuiti juga dipindahkan kepada keuntungan atau kerugian. Pendapatan faedah atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dimasukkan sebagai pendapatan faedah dalam keuntungan atau kerugian. Pendapatan dividen ke atas instrumen ekuiti tersedia untuk dijual diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila Bank pasti untuk menerima bayaran. Kebiasaannya pembelian dan jualan pelaburan tersedia untuk dijual diiktiraf pada tarikh penyelesaian.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak disebut harga yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk dijual dan di mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti adalah diukur pada kos. Pelaburan ini akan dinilai semula pada setiap tempoh pelaporan.

(iv) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama setelah penerimaan ditolak kos urusan secara langsung. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas. Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas termasuk deposit daripada pelanggan.

(2) Penyahiktirafan

Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset-aset tidak lagi wujud atau apabila hak untuk menerima aliran tunai terus daripada aset telah dipindahkan kepada pihak ketiga dan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset juga dipindahkan. Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila mereka ditebus atau dihapuskan.

(3) Penentuan Nilai Saksama

Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama, nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga yang disebut harga. Untuk instrumen kewangan dengan harga pasaran disebut harga yang diniagakan dalam pasaran aktif, nilai saksama adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga. Ini termasuk sekuriti ekuiti tersenarai dan penilaian broker daripada Bloomberg dan Reuters. Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak disebut harga di mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti adalah diukur pada kos, dan dinilai untuk penjejasan pada setiap tempoh pelaporan.

(4) Penjejasan aset kewangan

(i) Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan ("pinjaman") Bank dikelaskan sebagai terjejas apabila ianya memenuhi salah satu daripada kriteria berikut:

- (1) pokok atau faedah atau kedua-duanya tertunggak selama tiga (3) bulan atau lebih;
- (2) di mana pinjaman tertunggak kurang daripada tiga (3) bulan, pinjaman mempamerkan tanda-tanda kelemahan kredit; atau
- (3) di mana pinjaman terjejas telah dijadualkan semula atau disusun semula, pinjaman akan terus diklasifikasikan sebagai terjejas sehingga pembayaran balik berdasarkan semakan dan/atau terma disusun semula telah dipatuhi secara berterusan untuk tempoh enam (6) bulan bagi pinjaman tidak runcit dan tiga (3) bulan bagi pinjaman runcit.

Bagi menentukan penjejasan ke atas pinjaman, Bank menilai pada setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pinjaman atau sekumpulan pinjaman terjejas. Satu pinjaman atau sekumpulan pinjaman terjejas dan kerugian penjejasan diiktiraf hanya jika terdapat bukti objektif penjejasan akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (contoh satu "peristiwa kerugian") mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa depan bagi pinjaman atau sekumpulan pinjaman yang boleh dianggarkan.

Kriteria Bank yang menentukan bahawa terdapat bukti objektif penjejasan adalah seperti berikut:

- (1) sebarang kesukaran kewangan yang ketara dialami penanggung;
- (2) pelanggaran kontrak, seperti lalai dalam pembayaran faedah atau bayaran pokok;
- (3) kebarangkalian muflis yang tinggi atau penyusunan semula kewangan penanggung;
- (4) kebimbangan terhadap daya maju operasi perniagaan penanggung dan keupayaan untuk keluar daripada masalah kewangan serta menjana aliran tunai yang mencukupi untuk menangani obligasi hutangnya; dan
- (5) sebarang berita buruk atau perkembangan yang mempengaruhi keadaan ekonomi tempatan atau persekitaran perniagaan yang akan menjejaskan keupayaan pembayaran balik peminjam.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan penting (sambungan)

d) Aset dan Liabiliti Kewangan (sambungan)

(5) Penjejasan aset kewangan (sambungan)

(i) Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Bank akan menilai secara individu sama ada bukti objektif penjejasan wujud untuk pinjaman individu yang signifikan. Jika ia ditentukan bahawa tidak ada bukti objektif penjejasan untuk pinjaman yang dinilai secara individu, pinjaman itu kemudian dimasukkan sebagai sebahagian daripada penilaian kolektif.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan telah berlaku, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara amaun pinjaman dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan. Nilai pembawa bagi pinjaman dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika perlu, pengiraan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan pinjaman bercagar mengakibatkan aliran tunai yang mungkin terhasil daripada lelongan ditolak kos untuk mendapatkan dan menjual cagar, sama ada atau tidak berlaku kebarangkalian lelongan.

Untuk penilaian kolektif, pinjaman tidak terjejas dan pinjaman yang terjejas yang tidak signifikan secara individu dikumpulkan berdasarkan ciri-ciri risiko seragam yang menunjukkan keupayaan peminjam untuk membayar semua jumlah tunggakan mengikut jangka masa kontrak peminjam. Penjejasan kolektif dikira dengan mendarabkan pendedahan *Probability of Default* ("PD") dan *Lost Given Default* ("LGD"). PD berdasarkan analisis migrasi atau analisis regresi manakala LGD ditentukan dengan menggunakan kaedah penurunan nilai cagar. Jika pinjaman tidak dapat dikutip, ia dihapus kira daripada peruntukan penjejasan pinjaman. Pinjaman tersebut dihapus kira selepas prosedur yang ditetapkan dan jumlah kerugian telah ditentukan.

Jumlah pemulihan berikut yang dahulunya telah dihapus kira, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila pinjaman menunjukkan bukti kelemahan kredit, Bank boleh berusaha untuk merundingkan semula pinjaman dan bukannya untuk mengambil milikan cagar. Ini berkemungkinan melibatkan urusan melanjutkan pembayaran melalui penjadualan semula atau rundingan semula dan syarat pinjaman yang baru dan keadaan melalui penyusunan semula. Pengurusan memantau pinjaman yang dirunding semula untuk memastikan bahawa semua terma yang disepak semula dipenuhi dan pembayaran balik dibuat dengan segera untuk tempoh yang berterusan. Di mana pinjaman terjejas dirundingkan semula, peminjam mesti mematuhi syarat-syarat pembayaran balik yang disepak semula dan/atau disusun semula untuk tempoh berterusan selama enam (6) bulan bagi pinjaman bukan runcit dan tiga (3) bulan untuk pinjaman runcit sebelum pinjaman diklasifikasikan sebagai tidak terjejas. Pinjaman ini terus tertakluk kepada penilaian penjejasan individu atau kolektif.

(ii) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")

Bank membuat penilaian pada setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan kewangan yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk dijual adalah terjejas. Dalam kes pelaburan ekuiti disebut harga, penurunan ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kosnya juga dipertimbangkan dalam menentukan sama ada wujud bukti objektif penjejasan. Jika wujud sebarang bukti sedemikian, kerugian terkumpul (diukur sebagai perbezaan antara kos pembelian dengan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian penjejasan diiktiraf) dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Bagi pelaburan ekuiti tidak disebut harga yang diukur pada kos, amaun kerugian penjejasan diukur sebagai perbezaan antara nilai pembawa aset dan nilai semasa anggaran tunai masa hadapan yang dikurangkan pada kadar pulangan pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa.

Kerugian penjejasan atas pelaburan ekuiti AFS tidak dikembalikan dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh berikutnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian penjejasan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Bagi pelaburan hutang AFS, kerugian penjejasan nilai kemudiannya dikembalikan dalam keuntungan atau kerugian jika peningkatan dalam nilai saksama pelaburan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian penjejasan dalam keuntungan dan kerugian.

(iii) Pelaburan kewangan dipegang sehingga matang ("HTM")

Bank membuat penilaian pada setiap tempoh pelaporan sama ada bukti objektif penjejasan pelaburan kewangan dipegang sehingga matang wujud sebagai hasil daripada satu atau lebih peristiwa kerugian dan kerugian peristiwa yang mempunyai kesan ke atas aliran tunai masa hadapan pelaburan kewangan atau kumpulan pelaburan kewangan yang dapat dianggarkan dengan pasti. Jika terdapat bukti objektif penjejasan, kerugian penjejasan diiktiraf sebagai perbezaan antara kos pembelian dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan, ditolak sebarang kerugian penjejasan yang diiktiraf sebelumnya.

(e) Matawang asing

(i) Matawang fungsian

Butiran yang dimasukkan dalam penyata kewangan Bank diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Bank beroperasi, iaitu mata wang fungsian. Penyata kewangan Bank dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian dan pembentangan Bank.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan penting (sambungan)

(e) Matawang asing (sambungan)

(ii) Urusniaga matawang asing

Dalam penyediaan penyata kewangan Bank, urus niaga dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian iaitu mata wang asing, ditukarkan ke dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang terdapat pada tarikh-tarikh urus niaga. Aset dan liabiliti kewangan yang didenominasikan dalam mata wang asing ditukarkan kepada kadar pertukaran pada tarikh pelaporan apabila nilai ditentukan.

Butiran bukan kewangan diukur pada nilai saksama dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur pada kos sejarah dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga permulaan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama adalah termasuk dalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut, kecuali perbezaan yang timbul daripada butiran bukan kewangan yang mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada butiran bukan kewangan yang serupa juga diiktiraf terus dalam ekuiti.

(f) Cukai pendapatan

(i) Cukai semasa

Aset cukai semasa dan liabiliti diukur pada jumlah yang dijangka boleh diperoleh semula atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira amaun adalah yang digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara-perkara yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

(ii) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah "liabiliti" ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan antara asas cukai dan amaun pembawa bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara dan aset cukai diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat tahap di mana keuntungan boleh cukai diramalkan boleh menyerap perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara berpunca daripada muhibah atau daripada permulaan pengambilalihan aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan kombinasi perniagaan dan dalam pada masa urus niaga itu, tidak mempengaruhi keuntungan perakaunan dan pendapatan bercukai.

Amaun pembawa bagi aset cukai sekiranya ada akan diukur pada setiap tarikh pelaporan dan akan berkurangan setakat tahap di mana keuntungan boleh cukai tidak boleh diramalkan untuk membolehkan keseluruhan atau sebahagian aset untuk dibaik pulih.

Cukai tertunda diukur dengan menggunakan kadar cukai yang dijangka digunakan dalam jangka masa aset direalisasikan atau liabiliti telah dibuat bayaran berdasarkan kepada kadar cukai yang telah diwartakan dalam tempoh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali cukai itu wujud daripada urusan niaga yang diiktiraf terus dalam ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dimansuhkan apabila terdapat arahan undang-undang yang sah untuk menghapuskan aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai di mana Bank berniat untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa berdasarkan asas bersih.

Kementerian Kewangan melalui pemberitahuan dalam Warta Malaysia PU (A) 95/2008 mengeluarkan suatu perintah pada 1 April 2008 peletakkan semua harta, hak dan liabiliti BPM kepada Bank tanpa apa-apa pemindahan, penyerahakan atau pemindahan. Berdasarkan perintah itu, Kementerian Kewangan dalam surat bertarikh 25 Jun 2008 telah membuat keputusan untuk melanjutkan hak untuk pengecualian cukai ke atas semua pendapatan bagi tahun taksiran 2002 hingga 2012 kecuali cukai ke atas pendapatan dividen.

(g) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, pelbagai imbuhan tetap dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan. Cuti jangka pendek berbayar terkumpul terhad kepada maksimum 120 hari sepanjang tempoh perkhidmatan terbit daripada cuti tahunan berbayar yang tidak habis digunakan dan dibenarkan untuk dikumpul, diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan. Atas persetujuan dan kelulusan ketua jabatannya, pegawai boleh membawa ke hadapan cutinya untuk tempoh dua (2) tahun sahaja. Cuti ini akan dikira luput sekiranya tidak diambil pada tahun berkenaan dan tidak boleh digantikan dengan gantian tunai. Cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku atas sebab kesihatan.

(ii) Pelan Caruman Tertakrif

Bank dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") pada kadar tertentu yang ditetapkan berdasarkan gaji pekerja. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila ia berlaku.

(iii) Skim Persaraan Kakitangan

Kakitangan yang layak adalah berhak untuk menerima pembayaran ganjaran persaraan secara sekali gus apabila mencapai umur persaraan biasa 56 tahun atau umur persaraan awal 45 tahun bagi kakitangan wanita dan 50 tahun bagi kakitangan lelaki. Pembayaran ganjaran adalah bersamaan dengan 0.75 gaji terakhir kakitangan didarab dengan bilangan tahun perkhidmatan dan pembayaran penggantian manfaat cuti bersamaan 4 kali gaji terakhir kakitangan.

Liabiliti faedah persaraan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan adalah nilai semasa obligasi manfaat wajib pada akhir tempoh pelaporan, bersama pelarasan untung/rugi aktuari dan kos perkhidmatan lepas yang tidak diiktiraf, mencerminkan hanya jumlah tahun perkhidmatan dilaksanakan sehingga tarikh penyata kedudukan kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan penting (sambungan)

(g) Manfaat kakitangan (sambungan)

(iii) Skim Persaraan Kakitangan (sambungan)

Liabiliti manfaat bertakrif, dikira menggunakan kaedah unjuran kredit unit, ditentukan oleh aktuari bebas, dengan mendiskaunkan anggaran aliran keluar tunai masa hadapan menggunakan kadar keuntungan pasaran pada akhir tempoh pelaporan atas Sekuriti Kerajaan Malaysia yang mempunyai matawang dan tempoh kematangan dianggarkan bersamaan tempoh liabiliti yang berkaitan.

Keuntungan dan kerugian yang timbul daripada pelarasan melalui pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuari diiktiraf dalam keuntungan terkumpul dalam lain-lain pendapatan komprehensif dalam tempoh di mana ia dikemukakan. Keuntungan dan kerugian aktuari kemudiannya tidak dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian dalam tempoh berikutnya.

(h) Penjejasan Aset Bukan Kewangan

Amaun pembawa hartanah, loji dan peralatan akan disemak bagi tujuan penjejasan nilai apabila terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin terjejas. Penjejasan nilai dikira dengan membandingkan amaun pembawa aset dengan amaun boleh pulih aset tersebut.

Jumlah pemuliharaan ialah nilai saksama melebihi kos jualan dan nilai terpakai. Dalam menilai nilai terpakai, anggaran aliran tunai masa hadapan telah didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pracukai yang menunjukkan nilai pasaran semasa bagi nilai semasa wang dan risiko kepada aset yang belum diselaras anggaran aliran tunai masa hadapan.

Sekiranya jumlah pemuliharaan aset dianggar kurang daripada jumlah pembawa, jumlah pembawa aset dikurangkan ke jumlah pemuliharaan. Kerugian penjejasan akan diiktiraf ke penyata untung dan rugi.

Kenaikan seterusnya ke atas amaun boleh pulih aset tersebut akan diambil kira sebagai pembalikan terhadap penjejasan nilai sebelum ini dan diiktiraf setakat nilai pembawa aset tersebut telah ditentukan, bersih daripada pelunasan dan susutnilai sebelum sebarang penjejasan nilai diiktirafkan. Pembalikan ini akan diiktiraf keuntungan atau kerugian dengan serta merta.

(i) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang penjejasan kerugian terkumpul, sekiranya ada.

Tanah milik bebas dan kerja dalam binaan tidak disusutnilaikan.

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai pada kadar yang dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos aset-aset tersebut sepanjang anggaran jangka hayat bergunanya. Kadar susutnilai tahunan utama yang dipakai adalah seperti berikut:

Bangunan	2%
Kenderaan	20%
Perabot dan Kelengkapan	10%
Peralatan dan mesin pejabat	10%
Perkakasan komputer	20%
Bangunan pegang pajak	2%

Sekiranya peralatan atau bahagian item-item hartanah, loji dan peralatan mempunyai jangka hayat guna berbeza, kos atau penilaian item-item tersebut diperuntukkan berdasarkan asas yang munasabah antara peralatan-peralatan dengan setiap bahagian peralatan yang disusutnilai secara berasingan.

Bangunan pegang pajak lebih dari 99 tahun disusutnilai sepanjang tarikh pajakan.

Pada setiap tarikh pelaporan, nilai sisa dan jangka hayat guna akan disemak semula. Sebarang kesan terhadap perubahan akan diiktiraf sebagai prospektif. Keuntungan atau kerugian atas jualan ditentukan melalui perbandingan antara pendapatan dengan amaun pembawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira dalam keuntungan atau kerugian.

Kesemua kos baik pulih dan penyelenggaraan dicajkan kepada keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

(j) Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara terdiri daripada perisian komputer yang pada mulanya dicatatkan pada kos. Selepas pengiktirafan, perisian komputer diukur pada kos ditolak pelunasan terkumpul. Pelunasan dikira menggunakan kaedah garis lurus untuk memperuntukkan kos perisian komputer sepanjang anggaran tempoh hayat bergunanya selama 3 tahun. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pelupusan aset ditentukan sebagai perbezaan antara hasil pelupusan bersih dengan amaun pembawa aset dan diambil kira dalam keuntungan atau kerugian.

Perbelanjaan seterusnya ke atas aset tidak ketara selepas pembelian atau pelupusan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ia berlaku, melainkan jika ia adalah berkemungkinan bahawa perbelanjaan ini akan membolehkan aset untuk menjana manfaat ekonomi masa depan melebihi prestasi standard asalnya yang dinilai dan perbelanjaan akan diukur dan dikaitkan kepada aset pasti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan penting (sambungan)

(k) Pajak

Pajakan terdiri daripada pajakan kewangan dan pajakan kendalian. Pajakan diklasifikasi sebagai pajakan kewangan sekiranya Bank memikul sebahagian besar risiko dan manfaat pemilikan aset. Aset di bawah pajakan kendalian adalah tidak diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan yang mana semua risiko dan manfaat pemilikan dikekalkan oleh pemajak.

Sewa belum bayar, di bawah pajakan kendalian dicaj kepada untung atau rugi sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus. Insentif yang telah diterima dan belum diterima semasa pajakan kendalian dilaksanakan, juga diiktiraf sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis-lurus. Walau bagaimanapun, sewa kontigensi hasil daripada pajakan kendalian diiktiraf sebagai belanja selaras dengan asas yang mana telah ditetapkan.

(l) Pembayaran Pajakan Prabayar

Tanah pajakan biasanya mempunyai jangka hayat ekonomi tidak melebihi 99 tahun yang mana risiko dan ganjaran berkaitan dengan aset tersebut tidak dipindahkan kepada pemajak. Bayaran yang dibuat semasa perjanjian ditandatangani atau pengambil alihan tanah pegangan pajak diambil kira sebagai bayaran pajakan prabayar pada tarikh pelaporan. Bagi pajakan tanah dan bangunan, bayaran pajakan prabayar adalah diperuntukkan, apabila perlu, antara elemen tanah dan elemen bangunan pajakan tersebut pada permulaan pajakan setara dengan nilai saksama relatifnya. Bayaran pajakan prabayar dilunaskan sepanjang tempoh pajakan mengikut faedah yang diperolehi.

(m) Hartanah Dihalang Tebus

Hartanah dihalang tebus ialah hartanah yang diperolehi bagi menyelesaikan hutang, dinyatakan pada kos dan nilai saksama, yang mana lebih rendah.

(n) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila terdapatnya obligasi di bawah undang-undang atau obligasi konstruktif berikutan peristiwa lepas, di mana kemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi faedah ekonomi, diperlukan untuk menyelesaikan obligasi masa kini dan anggaran yang boleh diyakini dapat dibuat mengenai amaun obligasi berkenaan.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, peruntukan tersebut akan diterbalikkan.

Apabila kesan nilai mata wang adalah penting, peruntukan didiskaun menggunakan kadar pracukai semasa yang menunjukkan risiko yang khusus kepada liabiliti tersebut, sekiranya wajar.

(o) Modal Saham

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti apabila tiada obligasi berkontrak untuk memindahkan tunai atau aset kewangan lain. Kos langsung daripada penerbitan saham ekuiti baharu dibawa kepada ekuiti sebagai pengurangan daripada hasil.

(p) Penyata Aliran Tunai

Bank menggunakan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran tunai.

(q) Tunai dan Tunai Setara

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai terdiri daripada tunai di tangan dan deposit permintaan dan setara tunai terdiri daripada pelaburan berkecairan tinggi yang boleh ditukar kepada tunai dengan risiko tidak ketara bagi perubahan dalam nilai dengan kematangan asal kurang daripada tiga bulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.2 Perubahan kepada perbandingan

(a) Transisi ke MFRS dan aplikasi MFRS 1

Ini merupakan penyata kewangan tahunan Bank yang pertama disediakan mengikut piawaian MFRS. Dalam tahun-tahun kewangan sebelum ini, penyata kewangan Bank telah disediakan selaras dengan FRS di Malaysia.

Dalam menyediakan penyata pembukaan kedudukan kewangan pada 1 Januari 2011, Bank telah menyelaraskan jumlah yang dilaporkan sebelum ini dalam penyata kewangan yang disediakan selaras dengan FRS. Penjelasan bagaimana peralihan dari FRS kepada MFRS telah menjejaskan kedudukan kewangan Bank, prestasi kewangan dan aliran tunai adalah seperti berikut:

Pengelasan semula sekuriti pelaburan

MFRS 1 membolehkan entiti untuk menetapkan aset kewangan atau liabiliti kewangan yang diiktiraf sebelum ini sebagai aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau sebagai tersedia untuk dijual. Oleh itu, Bank telah menetapkan aset pelaburan dipegang sehingga matang diiktiraf sebelum ini sebagai aset kewangan tersedia untuk dijual mengikut terima pakai MFRS 1. Perubahan dalam dasar perakaunan ini telah diambil kira secara retrospektif.

(b) Skim faedah persaraan

Kakitangan yang layak untuk menerima pembayaran ganjaran persaraan secara sekali gus bersamaan 75% daripada gaji akhir diganda dengan bilangan tahun perkhidmatan, dengan syarat bahawa kakitangan tersebut telah bekerja minimum sehingga umur 45 tahun bagi kakitangan wanita atau 55 tahun untuk kakitangan lelaki. Jika kakitangan meletakkan jawatan sebelum umur persaraan minimum, kakitangan akan tidak lagi berhak kepada bayaran ganjaran.

Kakitangan baru yang menyertai Bank selepas pengkorporatan tetapi sebelum April 2011 juga adalah layak untuk manfaat di atas. Sejak 2008, tiada peruntukan diakru dalam penyata kewangan dan faedah persaraan hanya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada bayaran faedah persaraan yang dibuat sepanjang tahun. Pada masa sekarang Bank telah membuat akruan bagi peruntukan yang diperlukan dan telah membuat perubahan retrospektif sebagai pelarasan tahun terdahulu.

Peruntukan bagi pembayaran ganjaran dan gantian cuti rehat diukur berdasarkan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang terhasil daripada perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan yang layak pada tarikh pelaporan. Aliran tunai didiskaun menggunakan kos modal yang ditanggung oleh Bank pada tarikh laporan. Dalam menentukan tahap peruntukan yang dibuat, andaian juga dibuat untuk jangkaan peningkatan gaji pada masa hadapan serta kebarangkalian kakitangan meletak jawatan sebelum umur kelayakan persaraan.

(c) Cukai tertunda

Semasa pengkorporatan pada tahun 2008, Bank tidak mengiktiraf aset atau liabiliti cukai tertunda kerana adalah dijangka bahawa status pengecualian cukai akan diteruskan. Walau bagaimanapun permohonan Bank untuk melanjutkan status pengecualian cukai tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Oleh itu, Bank telah mengiktiraf aset/liabiliti cukai tertunda bermula 1 Januari 2011. Baki pembuka diselaraskan ke pendapatan tertahan dan selanjutnya dibuat kepada rizab berkanun.

Penyesuaian ekuiti dan jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh perbandingan dan ekuiti pada tarikh peralihan yang dilaporkan di bawah FRS bagi tempoh sebelum dan pada tarikh peralihan di bawah MFRS adalah seperti di bawah :

Penyesuaian kedudukan kewangan pada 1 Januari 2011

	FRS pada 1 Januari 2011 RM'000	Nota 3.2 (a) Sekuriti Pelaburan RM'000	Nota 3.2 (b) Faedah Persaraan RM'000	Nota 3.2 (c) Cukai Tertunda RM'000	MFRS pada 1 Januari 2011 RM'000
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	2,756,301	-	-	-	2,756,301
Sekuriti Pelaburan					
Tersedia untuk dijual ("AFS")	1,656,547	40,563	-	-	1,697,110
Dipegang sehingga matang ("HTM")	460,488	(40,032)	-	-	420,456
Saham tersiar harga	577,845	-	-	-	577,845
Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan	4,804,635	-	-	-	4,804,635
Lain-lain aset	97,453	-	-	-	97,453
Pajakan prabayar	5,776	-	-	-	5,776
Hartanah, loji dan peralatan	188,104	-	-	-	188,104
Aset tidak ketara	22,761	-	-	-	22,761
JUMLAH ASET	10,569,910	531	-	-	10,570,441
Liabiliti					
Deposit dan simpanan pelanggan	6,452,754	-	-	-	6,452,754
Lain-lain liabiliti					
Pelbagai pemiutang dan akruan	109,093	-	25,863	-	134,956
Tabung Pampasan Kredit Padi	2,171	-	-	-	2,171
Liabiliti cukai tertunda	-	-	-	116,310	116,310
Dana skim pinjaman	1,856,233	-	-	-	1,856,233
Geran Kerajaan	67,724	-	-	-	67,724
Geran pelancaran	28,227	-	-	-	28,227
Geran Kerajaan - Dana	24,784	-	-	-	24,784
Jumlah Liabiliti	8,540,986	-	25,863	116,310	8,683,159
Ekuiti					
Modal Saham	1,000,000	-	-	-	1,000,000
Rizab	1,028,924	531	(25,863)	(116,310)	887,282
Jumlah Ekuiti	2,028,924	531	(25,863)	(116,310)	1,887,282
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	10,569,910	531	-	-	10,570,441

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.2 Perubahan kepada perbandingan (sambungan)

Penyesuaian kedudukan kewangan pada 31 Disember 2011

	FRS pada 31 Disember 2011 RM'000	Nota 3.2 (a) Sekuriti Pelaburan RM'000	Nota 3.2 (b) Faedah Persaraan RM'000	Nota 3.2 (c) Cukai Tertunda RM'000	MFRS pada 31 Disember 2011 RM'000
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	3,413,040	-	-	-	3,413,040
Deposit dengan institusi kewangan	20,000	-	-	-	20,000
Sekuriti Pelaburan					
Tersedia untuk dijual ("AFS")	2,082,655	41,998	-	-	2,124,653
Dipegang sehingga matang ("HTM")	296,500	(40,886)	-	-	255,614
Saham tersiar harga	504,674	-	-	-	504,674
Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan	5,405,351	-	-	-	5,405,351
Lain-lain aset	116,246	-	-	-	116,246
Pajakan prabayar	5,702	-	-	-	5,702
Hartanah, loji dan peralatan	191,228	-	-	-	191,228
Aset tidak ketara	23,556	-	-	-	23,556
JUMLAH ASET	12,058,952	1,112	-	-	12,060,064
Liabiliti					
Deposit dan simpanan pelanggan	7,723,069	-	-	-	7,723,069
Lain-lain liabiliti					
Pelbagai pemiutang dan akruan	120,066	-	34,529	-	154,595
Tabung Pampasan Kredit Padi	2,249	-	-	-	2,249
Liabiliti cukai tertunda	89,022	-	-	(8,632)	80,390
Dana skim pinjaman	1,775,404	-	-	-	1,775,404
Geran Kerajaan	54,877	-	-	-	54,877
Geran pelancaran	26,016	-	-	-	26,016
Geran kerajaan-dana	17,481	-	-	-	17,481
Jumlah Liabiliti	9,808,184	-	34,529	(8,632)	9,834,081
Ekuiti					
Modal Saham	1,000,000	-	-	-	1,000,000
Rizab	1,250,768	1,112	(34,529)	8,632	1,225,983
Jumlah Ekuiti	2,250,768	1,112	(34,529)	8,632	2,225,983
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	12,058,952	1,112	-	-	12,060,064

Penyesuaian penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 1 Januari 2011

	FRS pada	Nota 3.2 (b)	Nota 3.2 (c)	MFRS pada
	1 Januari 2011	Faedah	Cukai	1 Januari 2011
	RM'000	Persaraan	Tertunda	RM'000
		RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan faedah	228,301	-	-	228,301
Perbelanjaan faedah	(69,102)	-	-	(69,102)
Pendapatan faedah bersih	159,199	-	-	159,199
Pendapatan dari Perbankan Islam	339,801	-	-	339,801
Pendapatan bukan faedah:				
Pendapatan yuran dan lain-lain operasi	8,509	-	-	8,509
Pendapatan pelaburan	231,067	-	-	231,067
Pendapatan bersih	738,576	-	-	738,576
Perbelanjaan overhead	(289,131)	(25,863)	-	(314,994)
Keuntungan operasi	449,445	(25,863)	-	423,582
Geran Kerajaan	19,155	-	-	19,155
Keuntungan operasi bersih	468,600	(25,863)	-	442,737
(Caj)/pembalikan penjejasan pinjaman	(91,817)	-	-	(91,817)
(Caj)/pembalikan penjejasan sekuriti pelaburan				
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	376,783	(25,863)	-	350,920
Cukai (perbelanjaan)/kredit	(617)	-	-	(617)
Zakat	(281)	-	-	(281)
Keuntungan bersih bagi tahun	375,885	(25,863)	-	350,022
Lain-lain pendapatan komprehensif				
(Kerugian)/keuntungan tidak direalisasi atas perubahan nilai saksama sekuriti pelaburan tersedia untuk dijual	197,594	-	-	197,594
Pindahan kepada keuntungan dan kerugian atas jualan sekuriti pelaburan	(208,542)	-	-	(208,542)
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen lain-lain pendapatan komprehensif	-	-	(134,905)	(134,905)
Lain-lain kerugian komprehensif bersih selepas cukai, bagi tahun	(10,948)	-	-	(145,853)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	364,937	(25,863)	(134,905)	204,169

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.2 Perubahan kepada perbandingan (sambungan)

Penyesuaian penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2011

	FRS pada 31 Disember 2011	Nota 3.2 (b) Faedah Persaraan	Nota 3.2 (c) Cukai Tertunda	MFRS pada 31 Disember 2011
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan faedah	230,473	-	-	230,473
Perbelanjaan faedah	(83,335)	-	-	(83,335)
Pendapatan faedah bersih	147,138	-	-	147,138
Pendapatan dari Perbankan Islam	405,410	-	-	405,410
Pendapatan bukan faedah:				
Pendapatan yuran dan lain-lain operasi	43,940	-	-	43,940
Pendapatan pelaburan	18,831	-	-	18,831
Pendapatan bersih	615,319	-	-	615,319
Perbelanjaan overhead	(301,355)	(8,666)	-	(310,021)
Keuntungan operasi	313,964	(8,666)	-	305,298
Geran Kerajaan	15,057	-	-	15,057
Net Keuntungan operasi	329,021	(8,666)	-	320,355
(Caj)/pembalikan penjejasan pinjaman	57,101	-	-	57,101
(Caj)/pembalikan penjejasan sekuriti pelaburan	(885)	-	-	(885)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	385,237	(8,666)	-	376,571
Cukai (perbelanjaan)/kredit	28,571	-	(9,963)	18,608
Zakat	(4,272)	-	-	(4,272)
Keuntungan bersih bagi tahun	409,536	(8,666)	(9,963)	390,907
Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif				
(Kerugian)/keuntungan tidak direalisasi atas perubahan nilai saksama sekuriti pelaburan tersedia untuk dijual	(58,422)	-	-	(58,422)
Pindahan kepada keuntungan dan kerugian atas jualan sekuriti pelaburan	(11,380)	-	-	(11,380)
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen lain-lain pendapatan komprehensif	(117,309)	-	134,905	17,596
Lain-lain kerugian komprehensif selepas cukai, bagi tahun	(187,111)	-	-	(52,206)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	222,425	(8,666)	124,942	338,701

3.3 Piawaian dan Interpretasi Yang Telah Diterbitkan Tetapi Belum Efektif

Pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini, Piawaian, Pindaan dan Jawatankuasa Isu ("IC") telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi ianya belum berkuatkuasa dan diterimapakai oleh Bank.

Efektif pada tahun kewangan bermula atau selepas 1 Januari 2013

MFRS 10 *Penyata Kewangan Disatukan*

MFRS 11 *Pengaturan Bersama*

MFRS 12 *Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain*

MFRS 13 *Pengukuran Nilai Saksama*

Efektif pada tahun kewangan bermula atau selepas 1 Januari 2013

MFRS 119 *Manfaat kakitangan (disemak)*

MFRS 127 *Penyatuan dan Pengasingan Penyata Kewangan (disemak)*

MFRS 128 *Pelaburan dalam syarikat bersekutu (disemak)*

Pindaan kepada MFRS 7 *Instrumen kewangan: Meningkatkan Pendedahan instrumen kewangan*

Pindaan kepada MFRS 1 *Penggunaan kali pertama Malaysian Financial Reporting Standards - Pinjaman kerajaan*

Pindaan kepada MFRS 1 *Penggunaan kali pertama Malaysian Financial Reporting Standards (Peningkatan tahunan pusingan 2009-2011)*

Pindaan kepada MFRS 101 *Pelaporan Penyata Kewangan (Peningkatan tahunan pusingan 2009-2011)*

Pindaan kepada MFRS 116 *Hartanah, loji dan peralatan (Peningkatan tahunan pusingan 2009-2011)*

Pindaan kepada MFRS 132 *Instrumen kewangan: Pembentangan dan Pendedahan tahunan pusingan 2009-2011)*

Pindaan kepada MFRS 134 *Laporan kewangan interim (Peningkatan tahunan pusingan 2009-2011)*

Pindaan kepada MFRS 10 *Penyata kewangan disatukan: Panduan Peralihan*

Pindaan kepada MFRS 11 *Pengaturan bersama: Panduan Peralihan*

Pindaan kepada MFRS 12 *Pendedahan kepentingan dalam entiti lain: Panduan Peralihan*

Efektif pada tahun kewangan bermula atau selepas 1 Januari 2014

Pindaan MFRS 132 *Instrumen Kewangan: Persembahan - Peningkatan Instrumen Kewangan*

Efektif pada tahun kewangan bermula atau selepas 1 Januari 2015

MFRS 9 *Instrumen Kewangan*

Pindaan kepada MFRS 7 *Instrumen kewangan Pendedahan - Tarikh mandatori MFRS 9 dan pendedahan transisi*

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.3 Piawaian dan Interpretasi Yang Telah Diterbitkan Tetapi Belum Efektif (sambungan)

(a) MFRS 9 *Instrumen Kewangan*

MFRS 9, seperti yang dikeluarkan, mencerminkan fasa pertama IASB pada penggantian Rangka Kerja MFRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran dan terpakai kepada klasifikasi dan pengukuran liabiliti kewangan adalah sebagaimana yang ditakrifkan dalam MFRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran ("MFRS 139") dan menggantikan panduan dalam MFRS 139.

Dalam fasa berikutnya, IASB akan menangani perakaunan lindung nilai dan penjejasan terhadap aset kewangan. Penggunaan fasa pertama MFRS 9 akan mempunyai kesan ke atas klasifikasi dan pengukuran aset kewangan Bank tetapi tidak akan mempunyai kesan ke atas klasifikasi dan pengukuran liabiliti kewangan. Bank akan mengukur kesan bersama fasa lain apabila piawaian akhir termasuk semua fasa dikeluarkan.

(b) MFRS 10 *Penyata Kewangan Disatukan*

MFRS 10 mewujudkan satu model kawalan tunggal yang digunakan kepada semua entiti termasuk entiti tujuan khas. Perubahan yang diperkenalkan oleh MFRS 10 akan memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan penting untuk menentukan mana-mana entiti yang dikawal dan disatukan berbanding dengan keperluan yang berada di dalam MFRS 127 Pengasingan dan Penyatuan Penyata Kewangan dan Tafsiran IC 112 Tujuan Khas entiti. Berdasarkan analisis awal yang dilakukan, MFRS 10 dijangka tidak akan mempunyai kesan ketara ke atas pelaburan Bank sedia ada.

(c) MFRS 12 *Pendedahan Kepentingan Ke Atas Entiti Lain*

MFRS 12 mengandungi semua pendedahan yang sebelum ini telah didedahkan di MFRS 127 yang berkaitan dengan penyatuan penyata kewangan termasuk semua pendedahan yang sebelum ini dimasukkan ke dalam MFRS 11 *Pengaturan Bersama* dan MFRS 128 *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu*. Pendedahan ini adalah berkaitan dengan kepentingan entiti dalam anak syarikat, penyusunan bersama, syarikat bersekutu dan entiti berstruktur. Beberapa pendededahan baru juga perlu digunakan tetapi tidak memberi kesan ke atas kedudukan kewangan atau prestasi kewangan Bank.

(d) MFRS 13 *Pengukuran Nilai Saksama*

MFRS 13 mewujudkan satu sumber panduan di bawah MFRS untuk semua ukuran nilai saksama. MFRS 13 tidak berubah apabila satu entiti diperlukan untuk menggunakan nilai saksama kerana ianya hanya menyediakan panduan bagi pengukuran nilai saksama dibawah MFRS apabila nilai saksama dikehendaki atau dibenarkan. Bank pada masa sekarang sedang menilai kesan piawaian ini ke atas kedudukan kewangan dan prestasi Bank tetapi berdasarkan kepada analisis awalan, dijangka tiada implikasi yang ketara.

4. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini boleh memberi kesan yang mungkin memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah pembawa aset atau liabiliti di masa hadapan.

Andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko penting yang menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah pembawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dibincangkan di bawah.

Sumber utama ketidakpastian anggaran

(a) Peruntukan untuk kerugian ke atas pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan

Bank mengkaji pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan ragu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada peruntukan untuk penjejasan patut direkodkan dalam penyata kewangan. Khususnya, pertimbangan diperlukan dalam pengenalan pinjaman, pendengaran dan anggaran amaun terealisasi daripada pinjaman terjejas apabila menentukan tahap peruntukan yang diperlukan (Nota 10).

(b) Penjejasan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual

Bank merekodkan caj penjejasan atas pelaburan ekuiti tersedia untuk dijual apabila terdapat penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos. Pertimbangan diperlukan dalam penentuan apakah 'penting' atau 'berpanjangan'. Dalam membuat pertimbangan ini, Bank menilai, antara faktor-faktor lain, sejarah pergerakan harga saham, tempoh dan setakat mana nilai saksama pelaburan adalah kurang daripada kosnya. (Nota 11).

(c) Anggaran nilai saksama pelaburan kewangan sedia untuk dijual

Nilai saksama sekuriti yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif ditentukan menggunakan teknik penilaian berdasarkan andaian keadaan pasaran yang wujud pada tarikh pelaporan, termasuk rujukan kepada sebut harga pasaran dan petikan peniaga bebas bagi sekuriti yang sama dan kaedah aliran tunai yang didiskaunkan (Nota 16).

(d) Skim Faedah Persaraan

Peruntukan bagi pembayaran ganjaran dan gantian cuti rehat diukur berdasarkan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang terhasil daripada perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan yang layak pada tarikh pelaporan. Aliran tunai didiskaun menggunakan kadar faedah atas Sekuriti Kerajaan Malaysia yang dinyatakan dalam matawang faedah yang akan dibayar, sebagai Ringgit Malaysia (RM) dan mempunyai tempoh matang yang menyamai tempoh liabiliti. Dalam menentukan tahap peruntukan yang dibuat, andaian juga dibuat untuk jangkaan peningkatan gaji pada masa depan serta kebarangkalian kakitangan meletak jawatan sebelum umur kelayakan persaraan (Nota 24a (i)).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

5. PENDAPATAN FAEDAH

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan	103,106	138,838
Sekuriti pelaburan:		
Dipegang hingga matang ("HTM")	3,579	6,967
Tersedia untuk dijual ("AFS")	40,292	50,871
Deposit dengan institusi kewangan	34,295	33,797
	181,272	230,473
Di mana:		
Pendapatan faedah diperoleh daripada penjejasan pinjaman dan pendahuluan	15,006	11,749

6. PERBELANJAAN FAEDAH

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Deposit simpanan dan Agro Perdana	54,245	52,443
Deposit tetap/khas	31,014	28,045
Pinjaman daripada Kerajaan dan OECF	2,149	2,847
	87,408	83,335

7. PENDAPATAN BUKAN FAEDAH

	2012	2011
	RM'000	RM'000
(a) Pendapatan Yuran dan Lain-lain Operasi		
Pendapatan Yuran		
Yuran dan caj perkhidmatan	6,628	10,125
Yuran pemprosesan pinjaman	2,552	4,091
	9,180	14,216
Pendapatan lain		
Pembayaran balik kos gapping	1,994	21,304
Pendapatan daripada Projek Ladang Sungai Tasan	833	2,979
Pendapatan daripada pinjaman dan pembiayaan kakitangan	1,173	1,321
Keuntungan atas jualan hartanah, loji dan peralatan	-	375
Pendapatan sewa	111	296
Pendapatan bukan operasi	5,087	3,449
	9,198	29,724
	18,378	43,940
(b) Keuntungan dan Kerugian Bersih Sekuriti Pelaburan		
Untung bersih atas pelupusan pelaburan tersedia untuk dijual	230,722	3,995
Pendapatan dividen	10,908	14,836
	241,630	18,831

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

8. PERBELANJAAN OVERHED

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Kos kakitangan		
Gaji, elaun dan bonus	169,876	146,767
Caruman KWSP	17,826	14,189
Caruman PERKESO	1,700	1,478
Kebajikan kakitangan	5,097	4,418
Latihan kakitangan	4,281	3,248
Yuran perekrutan	461	487
Elaun Pengarah	1,780	425
Insuran perubatan	4,592	3,441
Skim faedah persaraan (Nota 24 (a))	10,668	10,007
Lain-lain	594	3,765
	216,875	188,225
Kos senggaraan		
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 20)	26,924	25,759
Pelunasan perisian komputer (Nota 21)	13,628	10,537
Insurans ke atas hartanah, loji dan peralatan	5,346	2,334
Sewa premis	7,912	7,128
Percetakan, alat tulis dan bekalan pejabat	9,203	8,002
Air dan elektrik	7,990	6,907
Pelunasan pajakan prabayar (Nota 19)	75	57
Penyelenggaraan komputer	9,854	6,785
Penyelenggaraan bangunan	2,996	2,990
Penyelenggaraan pejabat	3,072	2,784
Bekalan komputer	1,544	1,774
Lain-lain	2,973	2,908
	91,517	77,965
Perbelanjaan pemasaran		
Pengiklanan dan promosi	2,577	5,801
Lain-lain	264	608
	2,841	6,409

8. PERBELANJAAN OVERHED

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Perbelanjaan pentadbiran am		
Perbelanjaan komunikasi	14,097	15,784
Geran pelancaran	1,102	71
Geran kerajaan	217	195
Yuran guaman	13,695	11,500
Ganjaran juruaudit		
Audit berkanun	380	380
Jaminan lain berkaitan	180	-
Caj keselamatan	7,761	6,705
Lain-lain	1,592	2,787
	39,024	37,422
	350,257	310,021

9. GERAN KERAJAAN

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Geran Pelancaran:		
Perbelanjaan pembangunan	1,102	71
Pelunasan belanja modal	3,316	2,140
Geran Kerajaan:		
Perbelanjaan pembangunan	217	195
Pelunasan belanja modal	12,788	12,651
	17,423	15,057

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

10. (CAJ)/PEMBALIKAN PENJEJASAN PINJAMAN

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan:		
Peruntukan bagi tahun	(105,480)	(100,036)
Jumlah dimasuk semula selepas pemulihan dan pembalikan peruntukan	85,051	190,782
Kerugian penjejasan individu - bersih	(20,429)	90,746
Peruntukan bagi tahun	(178,376)	(152,813)
Jumlah pembalikan	41,070	31,176
Kerugian penjejasan kolektif	(137,306)	(121,637)
Hutang lapuk dan pembiayaan:		
Hapuskira	(261)	(3,987)
Dipulihkan	85,716	91,979
	<u>(72,280)</u>	<u>57,101</u>

11. (CAJ)/PEMBALIKAN PENJEJASAN SEKURITI PELABURAN

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Peruntukan penjejasan:		
Tersedia untuk dijual ("AFS"):		
Saham tersiar harga	<u>263</u>	<u>(885)</u>

12. BELANJA CUKAI

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Cukai pendapatan:		
Cukai pendapatan di Malaysia	(75)	(211)
Kurangan/(Lebihan) peruntukan tahun sebelum	(6)	495
	<u>(81)</u>	<u>284</u>
Cukai tertunda:		
Berkaitan dengan asal dan pembalikan perbezaan sementara	(6,491)	18,324
	<u>(6,572)</u>	<u>18,608</u>

Anggaran cukai semasa akan dibayar pada tahun kewangan semasa disediakan untuk pendapatan dividen daripada sekuriti pelaburan.

Perbelanjaan cukai berbeza dari jumlah perbelanjaan cukai ditentukan dengan mengguna pakai kadar cukai pendapatan ke atas keuntungan sebelum perbelanjaan cukai dan zakat akibat berpunca perbezaan berikut:

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	439,788	376,571
Cukai pada kadar cukai berkanun 25% (2011 : 25%)	(109,947)	(94,143)
Kesan cukai ke atas:		
Belanja tidak dibenarkan penolakan cukai	(10,276)	(9,544)
Pendapatan yang tidak dikenakan cukai	113,657	121,800
Kurangan/(Lebihan) peruntukan cukai tahun sebelum	(6)	495
Cukai (perbelanjaan)/kredit	<u>(6,572)</u>	<u>18,608</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

13. ZAKAT

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Zakat bagi tahun	(2,082)	(4,272)

Ini merupakan jumlah yang akan dibayar oleh Bank selaras dengan prinsip Syariah dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah.

14. TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Tunai di tangan	76,757	66,058	55,766
Tunai di bank	79,730	85,912	77,618
Deposit jangka pendek yang matang dalam tempoh tiga bulan:			
Bank-bank berlesen	936,050	1,854,035	1,404,139
Institusi-institusi kewangan lain	734,475	1,407,035	1,218,778
	1,827,012	3,413,040	2,756,301

15. SIMPANAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Institusi-institusi kewangan lain	-	20,000	-
Struktur kematangan simpanan di institusi kewangan adalah seperti berikut:			
Enam bulan hingga sembilan bulan	-	20,000	-

16. SEKURITI PELABURAN

	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
Sekuriti Hutang			
Tersedia Untuk Dijual – pada nilai saksama			
Bon Korporat	1,763,986	1,350,140	1,294,402
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,212,144	774,513	402,708
	2,976,130	2,124,653	1,697,110
Dipegang Sehingga Matang – pada kos pelunasan			
Bon Korporat	42,368	86,674	186,025
Kertas Komersial	9,955	56,775	214,216
Sekuriti Kerajaan Malaysia	161,756	112,165	20,215
	214,079	255,614	420,456
	3,190,209	2,380,267	2,117,566
Sekuriti Ekuiti			
Tersedia Untuk Dijual – pada nilai saksama			
Saham Disebut Harga di Malaysia	271,532	514,308	586,594
Saham Tidak Disebut Harga di Malaysia	-	-	1,189
	271,532	514,308	587,783
Jumlah sebelum peruntukan	3,461,741	2,894,575	2,705,349
Peruntukan kerugian penjejasan			
Saham Disebut Harga di Malaysia	(1,320)	(9,634)	(8,749)
Saham Tidak Disebut Harga di Malaysia	-	-	(1,189)
Bon Korporat	(1,359)	-	-
	(2,679)	(9,634)	(9,938)
Baki Bersih	3,459,062	2,884,941	2,695,411

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

16. SEKURITI PELABURAN (sambungan)

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000

Struktur kematangan pelaburan dipegang sehingga matang adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh enam bulan	19,955	96,769	314,216
Enam bulan hingga satu tahun	-	5,001	25,050
Satu tahun hingga tiga tahun	25,119	35,105	54,932
Tiga tahun hingga lima tahun	169,005	118,739	10,167
Lebih daripada lima tahun	-	-	16,091
	214,079	255,614	420,456

Nilai pasaran pelaburan dipegang sehingga matang adalah seperti berikut:

Nilai Pasaran

Bon Korporat	42,627	86,974	186,349
Kertas Komersil	9,943	56,355	214,216
Sekuriti Kerajaan Malaysia	162,014	112,310	20,420
	214,584	255,639	420,985

	Saham Tersiar harga	Total
	RM'000	RM'000

Peruntukan kerugian penjejasan

Pada 1 Januari 2012	9,634	9,634
Pembalikan peruntukan dalam tahun semasa	(8,314)	(8,314)
Pada 31 Disember 2012	1,320	1,320

17. PINJAMAN, PEMBIAYAAN DAN PENDAHULUAN

	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
Pada kos pelunasan:			
Pembiayaan dan pendahuluan Perbankan Islam (Nota 34 (g))	5,364,882	4,629,982	3,840,862
Pinjaman Wawasan Tani	269,100	443,756	629,828
Pinjaman Projek dan Jentera	318,432	445,831	498,418
Modal Usahawan Tani ("MUST")	103,714	164,804	182,428
Pinjaman Niagatani	122,096	129,544	142,950
Tabung Untuk Makanan ("3F")	32,381	54,697	86,636
Pinjaman Pendidikan Insani	55,302	66,879	72,199
Skim Kredit Padi	17,110	19,265	19,208
Pinjaman MAP dan MPPB	4,716	5,258	7,636
Tabung Industri Kecil dan Sederhana ("TIKS")	1,203	2,169	3,665
Pinjaman Kontrak Tani	2,953	2,385	3,118
Skim Pinjaman Khas Pertanian ("SPKP")	3	1,700	2,416
Pendahuluan Khas melalui Simpanan Tetap Masa	521	522	1,165
Skim Tembakau	609	591	968
Tabung Pembangunan Asean-Jepun ("AJDF")	154	534	828
Kemudahan Pemfaktoran	19	79	193
Lain-lain Pinjaman	2,031	2,214	2,289
	6,295,226	5,970,210	5,494,807
Pinjaman dan pendahuluan kepada kakitangan	70,990	72,690	73,273
	6,366,216	6,042,900	5,568,080
Tolak:			
Kerugian penjejasan individu	(207,777)	(268,380)	(522,130)
Kerugian penjejasan kolektif	(330,532)	(369,169)	(241,315)
Baki Bersih	5,827,907	5,405,351	4,804,635

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

17. PINJAMAN, PEMBIAYAAN DAN PENDAHULUAN (sambungan)

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
(i) Struktur kematangan pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan adalah seperti berikut:			
Matang dalam tempoh enam bulan	819,291	1,143,747	490,072
Enam bulan hingga satu tahun	89,898	87,021	72,332
Satu tahun hingga tiga tahun	542,565	431,693	457,662
Tiga tahun hingga lima tahun	777,486	1,038,021	890,617
Lebih daripada lima tahun	4,136,976	3,342,418	3,657,397
	6,366,216	6,042,900	5,568,080
(ii) Pinjaman kasar, pembiayaan dan pendahuluan yang dianalisis mengikut sektor adalah seperti berikut:			
Sektor:			
Perkhidmatan sokongan	2,818,188	2,680,086	2,328,422
Tanaman	2,286,218	2,015,619	1,797,436
Ternakan	687,978	699,073	684,179
Perikanan	402,747	384,822	397,523
Perhutanan	38,120	83,899	118,974
Lain-lain pemprosesan berasaskan pertanian	132,965	179,401	241,546
	6,366,216	6,042,900	5,568,080
(iii) Pinjaman kasar, pembiayaan dan pendahuluan dianalisis mengikut klasifikasi berikut:			
Tidak tertunggak dan tidak terjejas	5,084,323	4,731,601	3,909,115
Tertunggak tetapi tidak terjejas	562,041	476,592	426,787
Terjejas	719,852	834,707	1,232,178
	6,366,216	6,042,900	5,568,080

Pinjaman tertunggak tetapi tidak terjejas adalah pinjaman di mana apabila pelanggan gagal membayar pinjaman pokok atau faedah pada tarikh tuntutan dan termasuk pinjaman yang tertunggak satu hari atau lebih selepas tarikh tuntutan tetapi tidak melebihi tiga (3) bulan.

17. PINJAMAN, PEMBIAYAAN DAN PENDAHULUAN

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000

(iv) Pergerakan pinjaman kasar, pembiayaan dan pendahuluan yang terjejas adalah seperti berikut:

Pada awal tahun	834,707	1,232,178	681,768
Penambahan pada tahun semasa	485,802	484,895	884,149
Pengkelasan semula sebagai pinjaman tidak terjejas pada tahun semasa	(344,152)	(707,236)	(327,095)
Jumlah hapuskira	(256,505)	(175,130)	(6,644)
Pada akhir tahun	719,852	834,707	1,232,178

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000

Peratusan pinjaman terjejas daripada pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar:-

	11.31%	13.81%	22.13%
--	--------	--------	--------

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000

(v) Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar terjejas dianalisis mengikut sektor adalah seperti berikut:

Sektor:

Perkhidmatan sokongan	255,507	305,057	297,443
Tanaman	222,852	225,022	556,197
Ternakan	112,381	129,327	156,187
Perikanan	78,958	74,713	90,359
Perhutanan	33,220	79,279	113,134
Lain-lain memproses berasaskan pertanian	16,934	21,309	18,858
	719,852	834,707	1,232,178

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

17. PINJAMAN, PEMBIAYAAN DAN PENDAHULUAN (sambungan)

(vi) Pergerakan dalam peruntukan penjejasan ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah seperti berikut:

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Peruntukan penjejasan individu			
Pada awal tahun	268,380	522,130	437,426
Peruntukan bagi tahun	105,480	100,036	173,687
Jumlah dimasuk selepas pemulihan dan pembalikan peruntukan	(85,051)	(190,782)	(88,983)
Peruntukan bersih bagi tahun	20,429	(90,746)	84,704
Jumlah dihapus kira	(81,032)	(163,004)	-
Pada akhir tahun	207,777	268,380	522,130
Peruntukan penjejasan kolektif			
Pada awal tahun	369,169	241,315	181,353
Peruntukan pada tahun	178,376	152,813	73,776
Jumlah dimasuk	(41,070)	(31,176)	(18,696)
Peruntukan bersih pada tahun	137,306	121,637	55,080
Jumlah dihapus kira	(176,255)	-	-
Peruntukan diselaraskan dalam:			
Dana Kementerian Belia dan Sukan ("DKBS")	532	4,597	3,099
Skim Usahawan Tani Komersil Siswazah ("SUTKS")	(225)	1,425	1,869
Dana Khas Sektor Perikanan Terengganu ("DKSP")	5	195	(86)
Pada akhir tahun	330,532	369,169	241,315
Peratusan peruntukan penjejasan kolektif daripada pinjaman kasar, pembiayaan dan pendahuluan kasar ditolak peruntukan penjejasan individu	5.37%	6.39%	4.78%

Jumlah peruntukan terjejas kolektif termasuk peruntukan kolektif bagi pinjaman tidak terjejas sebanyak RM136,578,158 (2011:RM100,730,299)

18. LAIN-LAIN ASET

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Lain-lain belum terima	31,730	52,386	65,888
Faedah dan pendapatan belum terima	61,222	64,463	31,936
Tanah dihalang tebus	7,836	7,970	8,387
Projek Ladang BPM – Sg Tasan	3,377	3,377	3,198
Cukai boleh pulih	-	6	-
	104,165	128,202	109,409
Tolak: peruntukan penjejasan	(8,245)	(11,956)	(11,956)
Baki Bersih	95,920	116,246	97,453
Peruntukan penjejasan			
Pada awal tahun	11,956	11,956	13,576
Tambahkan sepanjang tahun	2,472	-	-
Elaun tidak lagi diperlukan	(6,183)	-	(1,000)
Dipindahkan ke pinjaman dan pendahuluan kepada kakitangan	-	-	(620)
Pada akhir tahun	8,245	11,956	11,956

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

19. PAJAKAN PRABAYAR

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Kos			
Pada awal tahun	7,320	7,320	7,696
Pelupusan	-	-	(176)
Dipindahkan ke bangunan atas tanah pajak	-	-	(200)
	<u>7,320</u>	<u>7,320</u>	<u>7,320</u>
Pelunasan terkumpul			
Pada awal tahun	1,618	1,544	1,542
Pelunasan pada tahun	75	57	77
Dipindahkan daripada tanah pajak	-	17	-
Pelupusan	-	-	(70)
Dipindahkan ke bangunan atas tanah pajak	-	-	(5)
	<u>1,693</u>	<u>1,618</u>	<u>1,544</u>
Nilai buku bersih	<u><u>5,627</u></u>	<u><u>5,702</u></u>	<u><u>5,776</u></u>

Baki tahun yang belum luput untuk tanah ini adalah antara 24 tahun ke 32 tahun (2011: 25 tahun ke 33 tahun).

20. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Bangunan Tanah		Tanah	Bangunan		Perabot	Peralatan		Jumlah
	Tanah Milik Bebas	Atas Tanah Milik Bebas	Pajakan (>99 tahun)	Atas Tanah Pajakan	Kenderaan	dan Kelengkapan	Mesin Pejabat	Perkakasan Komputer	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
KOS									
Pada 1 Januari 2011	3,746	11,732	779	81,928	13,901	108,680	41,790	75,934	338,490
Tambahan	-	-	-	2,725	-	16,161	6,448	4,182	29,516
Pelupusan	(155)	-	-	-	-	-	-	-	(155)
Hapuskira	-	-	-	-	-	(5,505)	(1,850)	(9,900)	(17,255)
Pada 31 Disember 2011	3,591	11,732	779	84,653	13,901	119,336	46,388	70,216	350,596
Tambahan	-	-	-	674	-	13,615	4,938	2,094	21,321
Hapuskira	-	-	(65)	-	(132)	(1,615)	(414)	(714)	(2,940)
Pada 31 Disember 2012	3,591	11,732	714	85,327	13,769	131,336	50,912	71,596	368,977
SUSUT NILAI TERKUMPUL									
Pada 1 Januari 2011	-	2,781	37	16,864	10,650	54,260	17,879	47,915	150,386
Caj pada tahun	-	304	1	1,666	682	9,610	3,842	9,654	25,759
Hapuskira	-	-	-	-	-	(5,139)	(1,728)	(9,892)	(16,759)
Dipindahkan daripada pajakan prabayar	-	-	(18)	-	-	-	-	-	(18)
Pada 31 Disember 2011	-	3,085	20	18,530	11,332	58,731	19,993	47,677	159,368
Caj pada tahun	-	304	1	1,690	82	11,171	4,343	9,333	26,924
Hapuskira	-	-	(2)	-	(132)	(1,358)	(338)	(714)	(2,544)
Pada 31 Disember 2012	-	3,389	19	20,220	11,282	68,544	23,998	56,296	183,748
NILAI BUKU BERSIH									
Pada 31 Disember 2012	3,591	8,343	695	65,107	2,487	62,792	26,914	15,300	185,229
Pada 31 Disember 2011	3,591	8,647	759	66,123	2,569	60,605	26,395	22,539	191,228
Pada 1 Januari 2011	3,746	8,951	742	65,064	3,251	54,420	23,911	28,019	188,104

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

20. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

(i) Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi daripada pemberian geran pelancaran dengan nilai buku bersih berjumlah RM10,002,184 (2011: RM9,626,639) butiran mengikut kelas adalah seperti berikut:

	Kenderaan RM'000	Perabot dan Kelengkapan RM'000	Peralatan dan Mesin Pejabat RM'000	Perkakasan Komputer RM'000	Jumlah RM'000
31 Disember 2012					
Kos	696	14,047	1,934	1,548	18,225
Susutnilai Berkumpul	(673)	(5,450)	(714)	(1,386)	(8,223)
Nilai Buku Bersih	23	8,597	1,220	162	10,002
31 Disember 2011					
Kos	696	12,035	1,682	1,547	15,960
Susutnilai Berkumpul	(572)	(4,147)	(538)	(1,076)	(6,333)
Nilai Buku Bersih	124	7,888	1,144	471	9,627
1 Januari 2011					
Kos	506	12,035	1,682	1,548	15,771
Susutnilai Berkumpul	(273)	(2,839)	(356)	(741)	(4,209)
Nilai Buku Bersih	233	9,196	1,326	807	11,562

20. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

(ii) Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi daripada pemberian kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMK 9") dengan nilai buku bersih berjumlah RM24,500,261 (2011: RM29,550,890) butiran adalah seperti berikut:

	Bangunan	Kenderaan	Perabot dan Kelengkapan	Peralatan dan Mesin pejabat	Perkakasan Komputer	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
31 Disember 2012						
Kos	13,600	1,709	28,188	4,000	23,975	71,472
Susutnilai Berkumpul	(3,733)	(1,709)	(23,139)	(1,638)	(16,752)	(46,971)
NILAI BUKU BERSIH	9,867	-	5,049	2,362	7,223	24,501
31 Disember 2011						
Kos	13,100	1,709	28,188	4,000	23,975	70,972
Susutnilai Berkumpul	(3,595)	(1,559)	(22,252)	(1,238)	(12,777)	(41,421)
NILAI BUKU BERSIH	9,505	150	5,936	2,762	11,198	29,551
1 Januari 2011						
Kos	13,100	1,709	28,188	4,000	23,368	70,365
Susutnilai Berkumpul	(3,464)	(1,359)	(21,364)	(838)	(8,792)	(35,817)
NILAI BUKU BERSIH	9,636	350	6,824	3,162	14,576	34,548

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

21. ASET TIDAK KETARA

	Perisian komputer RM'000	Perisian dalam binaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos			
Pada 1 Januari 2011	76,853	5,219	82,072
Penambahan	11,333	-	11,333
Hapuskira	(40,624)	-	(40,624)
Pada 31 Disember 2011	47,562	5,219	52,781
Penambahan	11,063	-	11,063
Hapuskira	(193)	-	(193)
Pengkelasan semula	5,219	(5,219)	-
Pada 31 Disember 2012	63,651	-	63,651
Pelunasan terkumpul			
Pada 1 Januari 2011	59,311	-	59,311
Caj pada tahun	10,537	-	10,537
Hapuskira	(40,623)	-	(40,623)
Pada 31 Disember 2011	29,225	-	29,225
Caj pada tahun	13,628	-	13,628
Hapuskira	(100)	-	(100)
Pada 31 Disember 2012	42,753	-	42,753
Nilai buku bersih			
Pada 31 Disember 2012	20,898	-	20,898
Pada 31 Disember 2011	18,337	5,219	23,556
Pada 1 Januari 2011	17,542	5,219	22,761

21. ASET TIDAK KETARA

Termasuk di atas adalah perisian komputer yang diperolehi dari geran kerajaan berikut:

a) Geran Pelancaran

	Kos RM'000	Pelunasan terkumpul RM'000	Nilai buku bersih RM'000
Perisian Komputer			
2012	6,304	3,333	2,971
2011	1,904	1,904	-

b) Geran dibawah Rancangan Malaysia ke-9 ("RMK9")

	Kos RM'000	Pelunasan terkumpul RM'000	Nilai buku bersih RM'000
Perisian Komputer			
2012	24,079	21,395	2,684
2011	21,414	14,138	7,276

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

22. CUKAI ASET TERTUNDA/(LIABILITI)

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	35,626	45,993	26,930
Diiktiraf dalam ekuiti	(67,947)	(126,383)	(143,240)
	(32,321)	(80,390)	(116,310)
Dibentangkan selepas pemasuhan wajar seperti berikut:			
Cukai aset tertunda	35,626	45,993	26,930
Cukai liabiliti tertunda	(67,947)	(126,383)	(143,240)
	(32,321)	(80,390)	(116,310)

Aset dan liabiliti cukai tertunda dimansuhkan apabila terdapat arahan undang-undang yang sah untuk menghapuskan aset cukai semasa dan apabila cukai pendapatan tertunda berkait dengan kuasa fiskal yang sama.

Komponen dan pergerakan aset dan liabiliti cukai tertunda sepanjang tahun kewangan sebelum dimansuhkan adalah seperti berikut:

	Sehingga 1 Januari 2011	Diiktiraf dalam penyata pendapatan	Diiktiraf dalam ekuiti	Sehingga 31 Disember 2011	Diiktiraf dalam penyata pendapatan	Diiktiraf dalam ekuiti	Sehingga 31 Disember 2012
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Liabiliti cukai tertunda:							
Hartanah, loji dan peralatan	(8,335)	(739)	-	(9,074)	3,876	-	(5,198)
Rizab pelaburan semula	(134,905)	-	17,596	(117,309)	-	54,560	(62,749)
	(143,240)	(739)	17,596	(126,383)	3,876	54,560	(67,947)
Aset cukai tertunda:							
Kerugian pinjaman dan peruntukan	14,992	16,972	-	31,964	(10,750)	-	21,214
Kerugian kemerosotan atas sekuriti	2,484	(76)	-	2,408	(1,739)	-	669
Perbezaan sementara lain	9,454	2,167	-	11,621	2,122	-	13,743
	26,930	19,063	-	45,993	(10,367)	-	35,626
	(116,310)	18,324	17,596	(80,390)	(6,491)	54,560	(32,321)

23. DEPOSIT DAN SIMPANAN PELANGGAN

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000

Pada kos pelunasan:

Deposit tetap/khas	3,779,419	4,748,348	3,948,609
Deposit simpanan	1,640,654	1,540,078	1,405,910
Agro Perdana	1,616,144	1,434,643	1,098,235
	7,036,217	7,723,069	6,452,754

Struktur kematangan simpanan adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh enam bulan	2,843,736	3,506,932	2,747,390
Enam bulan hingga satu tahun	857,159	1,165,153	1,141,556
Satu tahun hingga tiga tahun	29,688	26,603	33,573
Tiga tahun hingga lima tahun	48,836	49,656	26,090
Lebih daripada lima tahun	-	4	-
	3,779,419	4,748,348	3,948,609

Jenis-jenis pelanggan yang menyumbang kepada deposit adalah seperti berikut:

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Kerajaan	2,665,134	3,581,678	2,916,496
Individu	2,760,759	2,411,941	2,355,310
Perniagaan Perusahaan Tempatan	601,653	1,165,961	663,161
Entiti-entiti Tempatan Lain	965,618	429,266	412,217
Institusi Bukan Perbankan Tempatan	43,053	134,223	105,570
	7,036,217	7,723,069	6,452,754

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

24. LAIN-LAIN LIABILITI

(a) Pelbagai Sipiutang dan Akruan

		31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000
Perbelanjaan terakru		52,315	57,348	48,281
Lain-lain Pemiutang		61,558	57,832	58,825
Derma/Amal		155	-	-
Peruntukan Zakat		4,075	4,846	1,956
Peruntukan untuk perbelanjaan cukai		1,191	40	31
Skim faedah persaraan	(i)	43,641	34,529	25,863
		162,935	154,595	134,956

(i) Skim Faedah Persaraan

(a) Peruntukan bagi skim faedah persaraan adalah seperti berikut:

Pada 1 Januari 2011	25,863
Kos perkhidmatan semasa ¹	9,062
Kos faedah ²	945
Manfaat di bayar daripada pelan	(1,341)
Pada 31 Disember 2011	34,529
Kos perkhidmatan semasa ¹	9,402
Kos faedah ²	1,266
Manfaat di bayar daripada pelan	(1,556)
Pada 31 Disember 2012	43,641

1 Kos perkhidmatan semasa mewakili peningkatan dalam faedah persaraan pada setiap tarikh penyata kewangan akibat daripada tambahan tahun perkhidmatan oleh pekerja.

2 Kos faedah menggambarkan peningkatan nilai kini faedah persaraan yang timbul kerana faedah persaraan bagi satu tempoh lebih hampir kepada tarikh faedah persaraan dijelaskan.

24. LAIN-LAIN LIABILITI

(b) Andaian utama yang digunakan untuk menentukan kos dan obligasi yang dianggarkan adalah seperti berikut:

	Pada 31 Disember 2012
Umur perletakan jawatan (tahunan)	
Kurang dari 20 tahun	8.12%
25 - 34 tahun	7.48%
30 - 34 tahun	6.22%
35 - 39 tahun	4.76%
40 - 44 tahun	3.36%
45 - 49 tahun	1.96%
50 tahun dan ke atas	0.81%
Kadar kenaikan gaji (tahunan)	5.00%
Baki tahunan perkhidmatan pekerja	38 tahun

(c) Analisis kepekaan untuk risiko kadar diskaun

Satu peratus (1%) titik penurunan atau peningkatan dalam kadar diskaun dianggap akan mempunyai kesan-kesan berikut:

- (i) Kos perkhidmatan semasa meningkat sebanyak RM1,157,000 atau penurunan sebanyak RM963,000 masing-masing.
- (ii) Obligasi manfaat ditakrifkan meningkat kepada RM48,651,000 atau berkurangan kepada RM39,436,000 masing-masing.

(b) Skim Pampasan Kredit Padi

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Pada awal tahun	2,249	2,171	2,046
Penambahan	170	216	243
Pengeluaran	(234)	(138)	(118)
Pada akhir tahun	2,185	2,249	2,171

Tujuan skim ini adalah untuk menguruskan tanggungan pampasan kepada peminjam penanam padi. Dana di bawah skim ini dikutip semasa pengeluaran pinjaman padi sebagai faedah kematian penanam padi. Sejumlah pampasan akan dibayar kepada waris peminjam penanam padi yang meninggal dunia melalui skim ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

25. DANA SKIM PINJAMAN

Ringkasan dana skim pinjaman adalah seperti berikut:

		31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000
Pinjaman dari OECF	(a)	20,638	46,499	63,983
Tabung untuk makanan ("3F")	(b)	970,463	1,076,541	1,154,453
Dana MPPB	(c)	70,486	70,311	70,136
Tabung Industri Kecil dan Sederhana ("TIKS")	(d)	-	2,257	2,284
Skim Pinjaman Tanaman Semula				
Kelapa Sawit ("TASKS")	(e)	14,000	15,000	15,000
Skim Kredit Padi	(f)	105,715	105,453	105,190
Skim LITS	(g)	-	-	1,027
Skim Kredit Pengeluaran Makanan ("SKPM")	(h)	100,744	100,494	100,244
Skim Pembiayaan Bot Perikanan ("SPBP")	(i)	140,000	140,000	140,000
Skim Usahawan Komersil Tani Siswazah ("SUTKS - Pembiayaan")	(j)	8,010	10,000	10,000
Pembiayaan Industri Kecil dan Sederhana ("PKS")	(k)	100,730	100,480	100,230
Skim Kredit Pengeluaran Bukan Makanan ("SKPBM")	(l)	25,073	27,546	30,012
Dana Enterpris Mikro	(m)	83,767	80,823	63,674
		1,639,626	1,775,404	1,856,233

25. DANA SKIM PINJAMAN

(a) Pinjaman dari OECF

	Pokok RM'000	Faedah RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2011	63,949	34	63,983
Faedah yang dikenakan	-	1,131	1,131
Pembayaran semula	(12,171)	(1,165)	(13,336)
Perbezaan pertukaran asing	(5,279)	-	(5,279)
Pada 31 Disember 2011	46,499	-	46,499
Faedah yang dikenakan	-	1,322	1,322
Pembayaran semula	(21,784)	(1,346)	(23,130)
Perbezaan pertukaran asing	(4,652)	599	(4,053)
Pada 31 Disember 2012	20,063	575	20,638

	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000

Struktur kematangan pinjaman daripada OECF adalah seperti berikut:

Dalam tempoh satu tahun	20,638	23,246	21,350
Diantara satu tahun hingga tiga tahun	-	23,253	42,633
	20,638	46,499	63,983

Pinjaman ini telah diperolehi daripada Tabung Kerjasama Ekonomi Luar Negeri ("OECF") pada tahun 1988, pada kadar faedah 3.5% setahun selama 25 tahun. Tempoh bayaran balik bermula pada tahun 1995 dan akan diselesaikan pada tahun 2013.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

25. DANA SKIM PINJAMAN (sambungan)

(b) Tabung untuk makanan ("3F")

	Pokok	Faedah/ Keuntungan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2011	1,151,784	2,669	1,154,453
Faedah yang dikenakan	-	2,775	2,775
Pembayaran semula	(79,734)	(953)	(80,687)
Pada 31 Disember 2011	1,072,050	4,491	1,076,541
Penambahan	652	-	652
Keuntungan yang dikenakan	-	2,322	2,322
Pembayaran balik	(106,826)	(2,226)	(109,052)
Pada 31 Disember 2012	965,876	4,587	970,463

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMK 9"), Kerajaan bersetuju untuk menyalurkan RM300 juta setiap tahun untuk tempoh 15 tahun (3 tahun penangguhan) pada kadar keuntungan 0.25% setahun. Tujuan tabung ini adalah untuk meningkatkan industri pengeluaran makanan dan mengurangkan pergantungan kepada import.

(c) Dana MPPB

	Pokok	Faedah/ Keuntungan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2011	70,000	136	70,136
Faedah yang dikenakan	-	175	175
Pada 31 Disember 2011	70,000	311	70,311
Keuntungan yang dikenakan	-	175	175
Pada 31 Disember 2012	70,000	486	70,486

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMK 9"), Kerajaan bersetuju untuk menyalurkan RM100 juta bagi tempoh 15 tahun (3 tahun penangguhan) pada faedah/kadar keuntungan 0.25% setahun. Objektif skim ini adalah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera, petani, nelayan dan institusi lain yang berkaitan. Sepanjang tahun ini, pinjaman ini telah ditukar kepada pembiayaan Islam; selaras dengan objektif jangka panjang Bank untuk menjadi sebuah Bank yang mengamalkan Perbankan Islam sepenuhnya pada tahun 2015.

25. DANA SKIM PINJAMAN

(d) Tabung Industri Kecil dan Sederhana ("TIKS")

	Pokok RM'000	Keuntungan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2011	2,284	-	2,284
Keuntungan yang dikenakan	-	34	34
Pembayaran semula	(27)	(34)	(61)
	2,257	-	2,257
Pada 31 Disember 2011			
Keuntungan yang dikenakan	-	16	16
Pembayaran semula	(2,257)	(16)	(2,273)
	-	-	-
Pada 31 Disember 2012			

Tujuan tabung ini adalah untuk menggalakkan pelaburan baru dalam sektor perkilangan, industri pertanian dan sektor perkhidmatan berkaitan. Dana telah diterima daripada Bank Negara Malaysia ("BNM") pada kadar faedah 1.5% setahun untuk tempoh 5 tahun dan telah dibayar sepenuhnya pada tahun ini.

(e) Pinjaman Tanam Semula Kelapa Sawit ("TASKS")

	Pokok RM'000	Keuntungan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2011	15,000	-	15,000
Pada 31 Disember 2011			
Keuntungan yang dikenakan	-	-	-
Pembayaran semula	(1,000)	-	(1,000)
	14,000	-	14,000
Pada 31 Disember 2012			

Dana ini disalurkan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk membiayai penanaman semula ladang kelapa sawit.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

25. DANA SKIM PINJAMAN (sambungan)

(f) Skim Kredit Padi

	Pokok	Faedah/ Keuntungan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2011	105,000	190	105,190
Faedah yang dikenakan	-	263	263
Pada 31 Disember 2011	105,000	453	105,453
Keuntungan yang dikenakan	-	262	262
Pada 31 Disember 2012	105,000	715	105,715

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperuntukkan RM105.0 juta kepada Bank untuk menggalakkan industri padi negara. Tempoh pinjaman adalah 10 tahun (3 tahun penangguhan) pada kadar faedah sebanyak 1.5% setahun. Pada tahun ini, pinjaman ini telah ditukar kepada pembiayaan Islam; supaya selaras dengan objektif jangka panjang Bank untuk menjadi sebuah Bank yang mengamalkan Perbankan Islam sepenuhnya pada tahun 2015.

(g) Skim LITS ("Low Intensity Tapping Systems")

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	Pokok	Pokok	Pokok
	RM'000	RM'000	RM'000
Pada awal tahun	-	1,027	1,758
Pembayaran semula	-	(1,027)	(731)
Pada akhir tahun	-	-	1,027

Dana sebanyak RM46.1 juta yang disalurkan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ("KPPK") pada tahun 2001, adalah kadar keuntungan bebas, pembiayaan adalah melalui Al - Bai 'Bithaman Ajil dan pinjaman telah dibayar sepenuhnya pada tahun 2011.

25. DANA SKIM PINJAMAN

(h) Skim Kredit Pengeluaran Makanan ("SKPM")

	Pokok RM'000	Keuntungan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2011	100,000	244	100,244
Caj Keuntungan	-	250	250
Pada 31 Disember 2011	100,000	494	100,494
Caj Keuntungan	-	250	250
Pada 31 Disember 2012	100,000	744	100,744

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMK9"), Kerajaan bersetuju untuk menyalurkan RM100.0 juta untuk tempoh 15 tahun (3 tahun penangguhan) pada kadar keuntungan 0.25% setahun.

(i) Skim Pembiayaan Bot Perikanan ("SPBP")

	Pokok RM'000
Pada 31 Disember 2011 dan 31 Disember 2012	140,000

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMK9"), Kerajaan bersetuju untuk menyalurkan RM240.0 juta untuk tempoh 15 tahun (10 tahun penangguhan iaitu permulaan pembayaran kadar keuntungan pada tahun 2017) pada kadar keuntungan 0.25% setahun. Tujuan dana ini adalah untuk memodenkan kemudahan di dalam industri perikanan serta bagi tujuan mempromosikan industri perikanan laut dalam.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

25. DANA SKIM PINJAMAN (sambungan)

(j) Skim Usahawan Komersil Tani Siswazah ("SUTKS-Pembiayaan")

	Pokok RM'000	Keuntungan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2011	10,000	-	10,000
Pada 31 Disember 2011	10,000	-	10,000
Caj Keuntungan	-	25	25
Pembayaran semula	(1,990)	(25)	(2,015)
Pada 31 Disember 2012	8,010	-	8,010

Kerajaan telah memperuntukkan RM10.0 juta untuk tempoh 10 tahun (5 tahun penangguhan) pada kadar keuntungan 0.25% setahun. Tujuan skim ini adalah untuk menggalakkan penglibatan graduan-graduan dalam sektor pertanian.

(k) Pembiayaan Industri Kecil dan Sederhana ("PKS")

	Pokok RM'000	Keuntungan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2011	100,000	230	100,230
Caj Keuntungan	-	250	250
Pada 31 Disember 2011	100,000	480	100,480
Caj Keuntungan	-	250	250
Pada 31 Disember 2012	100,000	730	100,730

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMK9"), Kerajaan bersetuju untuk menyalurkan RM100.0 juta. Tujuan tabung ini adalah untuk menggalakkan pelaburan dalam industri pertanian. Tempoh pinjaman ini adalah 15 tahun (3 tahun penangguhan) pada kadar keuntungan 0.25% setahun.

25. DANA SKIM PINJAMAN

(l) Skim Kredit Pengeluaran Bukan Makanan ("SKPBM")

	Pokok RM'000	Keuntungan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2011	30,000	12	30,012
Caj Keuntungan	-	75	75
Pembayaran semula	(2,466)	(75)	(2,541)
	27,534	12	27,546
Pada 31 Disember 2011	69	68	137
Caj Keuntungan	(2,541)	(69)	(2,610)
Pembayaran semula			
	25,062	11	25,073

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMK9"), Kerajaan bersetuju untuk menyalurkan RM30.0 juta untuk tempoh 15 tahun (3 tahun penangguhan) pada kadar keuntungan 0.25% setahun. Tujuan tabung ini adalah untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti pertanian yang utama.

(m) Dana Enterpris Mikro

	Pokok RM'000	Faedah/ Keuntungan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2011	63,688	(14)	63,674
Penambahan	28,329	-	28,329
Faedah yang dikenakan	-	1,132	1,132
Pembayaran semula	(11,194)	(1,118)	(12,312)
	80,823	-	80,823
Pada 31 Disember 2011	14,493	-	14,493
Penambahan	23	1,224	1,247
Caj keuntungan	(11,569)	(1,227)	(12,796)
Pembayaran semula			
	83,770	(3)	83,767

Dana berjumlah RM200.0 juta telah dilancarkan oleh BNM untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan mikro kepada usahawan mikro yang layak terpilih. Kadar faedah dana ini adalah 1.5% setahun untuk tempoh 5 tahun. Pada tahun ini, pinjaman ini telah ditukar kepada pembiayaan Islam; selaras dengan objektif jangka panjang Bank untuk menjadi sebuah Bank yang mengamalkan Perbankan Islam sepenuhnya pada tahun 2015.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

26. GERAN KERAJAAN

	Belanja Modal RM'000	Belanja Pembangunan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2011	67,234	490	67,724
Pelunasan pada tahun semasa	(12,651)	-	(12,651)
Digunakan sepanjang tahun	-	(196)	(196)
	54,583	294	54,877
Pada 31 Disember 2011	(12,788)	-	(12,788)
Pelunasan pada tahun semasa	-	(217)	(217)
Digunakan sepanjang tahun	-	(217)	(217)
	41,795	77	41,872
Pada 31 Disember 2012			

27. GERAN PELANCARAN

	Belanja Modal RM'000	Belanja Pembangunan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2011	11,734	16,493	28,227
Digunakan sepanjang tahun	-	(71)	(71)
Perbelanjaan pembangunan	-	-	-
Pelunasan pada tahun semasa	(2,140)	-	(2,140)
	9,594	16,422	26,016
Pada 31 Disember 2011	8,023	(8,023)	-
Klasifikasi semula	-	-	-
Digunakan pada tahun ini	-	(1,102)	(1,102)
Perbelanjaan pembangunan	-	-	-
Pelunasan pada tahun semasa	(3,316)	-	(3,316)
	14,301	7,297	21,598
Pada 31 Disember 2012			

Pada tahun 2007, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM100.0 juta kepada Bank untuk tujuan pengkorporatan Bank. Geran ini adalah untuk digunakan bagi penjenamaan, pembangunan produk dan ubahsuai pejabat.

28. GERAN KERAJAAN - DANA

Ringkasan dana geran kerajaan adalah seperti berikut :

		31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000
Program Pembangunan Rakyat Termiskin ("PPRT")	(a)	2,560	2,560	2,560
Skim Usahawan Tani Komersil Siswazah ("SUTKS")	(b)	785	560	1,985
Dana Khas Sektor Perikanan Terengganu ("DKSP")	(c)	1,391	2,057	3,338
Dana Kementerian Belia dan Sukan ("DKBS")	(d)	11,772	12,304	16,901
		16,508	17,481	24,784

(a) Program Pembangunan Rakyat Termiskin ("PPRT")

	RM'000
Pada 31 Disember 2011 dan 31 Disember 2012	2,560

Program ini merupakan pembiayaan bebas keuntungan daripada Kerajaan kepada golongan miskin.

(b) Skim Usahawan Tani Komersil Siswazah ("SUTKS")

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Pada awal tahun	560	1,985	3,854
Peruntukan penjejakan kolektif (Nota 17 (vi))	225	(1,425)	(1,869)
Pada akhir tahun	785	560	1,985

Objektif program ini adalah untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah dengan mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor pertanian. Pembiayaan yang ditawarkan adalah di bawah AI - Bai 'Bithaman Ajil yang mengenakan kadar keuntungan 3% setahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

28. GERAN KERAJAAN – DANA (sambungan)

(c) Dana Khas Sektor Perikanan Terengganu (“DKSP”)

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Pada awal tahun	2,057	3,338	4,285
Pelunasan	(661)	(1,086)	(1,033)
Peruntukan penjejasan kolektif (Nota 17 (vi))	(5)	(195)	86
Pada akhir tahun	1,391	2,057	3,338

Objektif dana ini adalah untuk meningkatkan status sosio-ekonomi nelayan, penternak ikan dan pengusaha akuakultur. Pembiayaan ini ditawarkan di bawah AI - Bai 'Bithaman Ajil sehingga 100% daripada jumlah kos projek dan bebas kadar keuntungan. Syarat-syarat pembiayaan akan bergantung kepada projek dengan tempoh bayaran balik tidak melebihi 10 tahun.

(d) Dana Kementerian Belia dan Sukan (“DKBS”)

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Pada awal tahun	12,304	16,901	20,000
Peruntukan penjejasan kolektif (Nota 17 (vi))	(532)	(4,597)	(3,099)
Pada akhir tahun	11,772	12,304	16,901

Dana ini diuruskan bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan. Tujuan tabung ini adalah untuk menggalakkan golongan belia untuk terlibat dalam industri pertanian di bawah Skim Belia Tani.

29. MODAL SAHAM

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Dibenarkan			
Saham biasa RM1 setiap satu	2,000,000	2,000,000	2,000,000
Diterbitkan dan berbayar			
Saham biasa RM1 setiap satu	1,000,000	1,000,000	1,000,000

30. RIZAB

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Rizab tidak boleh diagih:			
Rizab berkanun	487,109	487,109	291,655
Rizab penilaian semula pelaburan	321,719	487,943	540,149
Rizab boleh diagih:			
Pendapatan tertahan	659,566	250,932	55,478
	1,468,393	1,225,983	887,282

(a) Rizab berkanun

Pemindahan keuntungan kepada dana rizab hanya terpakai apabila Nisbah Modal Berwajaran Risiko ("RWCR") Bank adalah di bawah tahap 16% seperti yang diluluskan oleh BNM melalui surat kepada Bank bertarikh 22 Februari 2008.

(b) Rizab penilaian semula pelaburan

Rizab penilaian semula pelaburan adalah berkaitan laba dan kerugian nilai saksama belum terealisasi pada pelaburan kewangan tersedia untuk dijual.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

31. KOMITMEN DAN LUAR JANGKAAN

	31 Disember 2012	31 Disember 2011	1 Januari 2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Jaminan:			
Surat jaminan yang dikeluarkan kepada pelanggan bank:	15,535	19,240	20,986
Komitmen Modal:			
Diluluskan dan dikontrakkan :			
Belanja modal	5,205	623	3,465
Komitmen pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan	396,520	201,126	309,544
	<u>401,725</u>	<u>201,749</u>	<u>313,009</u>
Diluluskan dan belum dikontrakkan:			
Belanja modal	811	227	3,969
Komitmen pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan	76,952	16,690	21,763
	<u>77,763</u>	<u>16,917</u>	<u>25,732</u>
	<u>479,488</u>	<u>218,666</u>	<u>338,741</u>
Luar Jangkaan:			
Beberapa tindakan undang-undang terhadap bank dengan tuntutan pampasan	363,932	180,278	1,966
Dana Pertanian Komersil ("GLC")	-	-	33,770
	<u>858,955</u>	<u>418,184</u>	<u>395,463</u>

Termasuk dalam tuntutan pampasan adalah tindakan undang-undang terhadap Bank. Bank kini sedang dalam proses merayu keputusan kepada mahkamah yang lebih tinggi. Maklumat yang dikehendaki oleh MFRS 137 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka tidak didedahkan atas alasan bahawa ia akan menjejaskan hasil daripada tindakan undang-undang.

32. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

a) Syarikat Induk

Bank adalah sebuah Syarikat Berkaitan/Milik Kerajaan, dengan saham-saham dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan bagi pihak Kerajaan Malaysia. Semua entiti di bawah kawalan Kerajaan Malaysia memenuhi definisi pihak berkaitan dengan Bank.

b) Ganjaran Pegawai Pengurusan Utama

Ganjaran Pengarah-pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

- i) Faedah warga kerja jangka pendek meliputi gaji dan elaun.
- ii) Faedah warga kerja jangka panjang meliputi Caruman Kumpulan Simpanan Pekerja ("KWSP").

Pegawai Pengurusan Utama	Faedah Jangka Pendek RM'000	Faedah Jangka Panjang RM'000
Pengarah Eksekutif	716	122
Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif Pengurusan Utama	1,868	-
	2,831	294
	<u>5,415</u>	<u>416</u>

(c) Transaksi Dengan Pegawai Pengurusan Utama

Jadual di bawah adalah jumlah transaksi yang dilaksanakan oleh Pegawai Pengurusan Utama sepanjang tahun kewangan.

	Baki pada 31 Disember 2012 RM'000	Baki pada 31 Disember 2011 RM'000
Deposit	9	2
	<u>9</u>	<u>2</u>

Tiada pinjaman yang diberi kepada Pengarah-pengarah Bank.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

32. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (sambungan)

d) Transaksi Dengan Pihak Berkenaan

	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000
Pendapatan			
Pembayaran balik kos gapping	(i)	35,059	21,304
Yuran Pengurusan	(ii)	18,623	23,325
Komisyen	(iii)	1,590	1,693
Faedah/keuntungan daripada deposit/ peletakan dana Syarikat Milik Kerajaan		245,080	193,990
Perbelanjaan			
Faedah atas deposit Syarikat Milik Kerajaan		9,917	4,968
Faedah atas dana pinjaman dibayar atau akan dibayar kepada Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia		5,757	5,833
Caruman Kumpulan Simpanan Pekerja ("KWSP")		17,826	14,189
Sumbangan PERKESO		1,700	1,478
Perbelanjaan ganti rugi kepada agensi berkaitan di Negeri		18,021	-

Diskripsi pendapatan pihak berkaitan adalah seperti berikut:

- (i) Pendapatan dari Menteri Kewangan Diperbadankan untuk perbezaan antara faedah pasaran dan faedah pinjaman yang dikeluarkan oleh Bank pada kadar khas.
- (ii) Yuran diperolehi untuk menguruskan dana Kerajaan bagi pengeluaran pinjaman di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kewangan.
- (iii) Komisyen diperolehi selaku agen kutipan bil bagi entiti di bawah kawalan Kerajaan Malaysia.

32. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

e) Baki berpunca dari transaksi dengan pihak berkaitan

Jumlah kepada/daripada pihak berkaitan

	Baki pada 31 Disember 2012 RM'000	Baki pada 31 Disember 2011 RM'000
Geran Kerajaan	41,872	54,877
Geran Pelancaran	21,598	26,016
Geran Kerajaan - Dana	16,508	17,481
Dana Skim Pinjaman	1,639,626	1,775,404
Pertukaran Asing akan terima daripada Kementerian Kewangan	15,780	23,113
Pinjaman kepada pihak berkaitan	14,951	24,944
Deposit/peletakan dengan pihak berkaitan	3,278,966	3,293,470
Deposit daripada pihak berkaitan	2,665,134	3,581,678

f) Terma dan Syarat

Transaksi bersama pihak berkaitan adalah dibuat mengikut terma yang sama yang diguna pakai dalam urus niaga tulus.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

33. INSTRUMEN KEWANGAN

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Pengenalan dan Gambaran Keseluruhan

Bank terdedah kepada risiko-risiko terbit daripada instrumen kewangan seperti berikut:

- Risiko Kredit
- Risiko Kecairan
- Risiko Pasaran
- Risiko Operasi

Nota ini memaparkan maklumat mengenai pendedahan Bank kepada setiap risiko di atas, objektif Bank, polisi dan proses untuk mengukur dan mengurus risiko, dan pengurusan modal Bank.

Rangka kerja pengurusan risiko

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan dalam menubuhkan dan mengawalselia rangka-kerja pengurusan risiko Bank. Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan Risiko yang bertanggungjawab untuk membangun dan memantau polisi-polisi pengurusan risiko di dalam bidang-bidang tertentu. Semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah mempunyai ahli bukan eksekutif dan melapor secara berkala kepada Lembaga Pengarah mengenai aktiviti mereka.

Polisi pengurusan risiko diwujudkan untuk mengenal pasti dan menganalisis risiko yang dihadapi oleh Bank, menetapkan kawalan dan had risiko dan memantau risiko dan pematuhan had-had. Polisi pengurusan dikaji secara berkala untuk mengambilkira pematuhan dalam keadaan pasaran, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Jawatankuasa Audit ("BAC") bertanggungjawab untuk memantau pematuhan terhadap dasar-dasar (dan prosedur) pengurusan risiko, dan mengkaji semula kecukupan rangka kerja pengurusan risiko. Jawatankuasa Audit dalam fungsi ini dibantu oleh Audit Dalaman yang menjalankan kajian semula secara berkala dan ad hoc, terhadap kawalan dan prosedur pengurusan risiko.

33. INSTRUMEN KEWANGAN

(b) Risiko kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian akibat kegagalan atau keengganan pelanggan atau pihak-pihak yang berkenaan memenuhi kontrak obligasi kewangan pada masa yang ditetapkan.

Matlamat pengurusan risiko kredit adalah untuk mengekalkan pendedahan risiko kredit pada tahap yang boleh diterima dan memastikan pulangan adalah setimpal dengan risiko.

Pendedahan Bank kepada risiko kredit terutamanya adalah terbit daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan-pelanggan runcit, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), serta korporat. Pelaburan dalam ekuiti, bon dan lain-lain sekuriti boleh dipasarkan, dagangan instrumen kewangan dan aktiviti-aktiviti perbankan yang lain, sama ada ditadbir urus sebagai buku perbankan atau buku perdagangan, juga mendedahkan Bank kepada risiko kredit dan risiko kredit rakan niaga.

Pengurusan Risiko Kredit dikawalselia oleh kerangka Pengurusan Risiko Kredit yang melakarkan tadbir urus infrastruktur pengurusan risiko, proses-proses pengurusan risiko dan tanggungjawab kawalselia.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("MRC") membantu Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko ("BRMC") di dalam pengurusan risiko kredit. MRC juga bertanggungjawab untuk mengkaji rangka kerja serta polisi pengurusan risiko kredit Bank sejajar dengan strategi dan perancangan perniagaan Bank, memantau profil portfolio dan kredit serta mengesyorkan tindakan yang perlu diambil bagi memastikan tahap risiko kredit adalah berada pada tahap toleransi yang ditetapkan.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit Bank mengandungi polisi-polisi sepertimana berikut:

- (i) Pengurusan dan kualiti aset pinjaman/pembiayaan termasuk polisi dan garis panduan kredit, kelulusan kredit, pengukuran risiko kredit serta kecekapan kakitangan kredit.
- (ii) Pemuliharaan pinjaman yang merangkumi proses penilaian semula kredit, pengesanan awal, dan pengurusan pendedahan kredit yang lemah serta pemulihan.
- (iii) Polisi konsentrasi kredit untuk pengurusan portfolio yang berkesan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

33. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(b) Risiko kredit (sambungan)

Konsentrasi risiko kredit di dalam sektor pinjaman pembiayaan dan pendahuluan

Konsentrasi risiko kredit adalah dipantau mengikut sektor ekonomi. Analisis konsentrasi risiko kredit mengikut sektor pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan pada tarikh pelaporan adalah seperti di bawah:

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Sektor :		
Sokongan	2,747,198	2,607,396
Tanaman	2,286,218	2,015,619
Ternakan	687,978	699,073
Perikanan	402,747	384,822
Perhutanan	38,120	83,899
Proses asas tani lain	132,965	179,401
	6,295,226	5,970,210

Kedudukan cagaran dalam sektor pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan

Bank memegang cagaran bagi pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan yang diberikan kepada pelanggan dalam bentuk kepentingan gadai janji ke atas harta, lain-lain sekuriti yang didaftarkan ke atas aset dan jaminan. Anggaran nilai saksama adalah berdasarkan kepada penilaian cagaran semasa permohonan pinjaman dan dinilai semula setiap dua tahun sekali atau apabila pinjaman/pembiayaan tersebut terjejas.

Jenis-jenis cagaran utama yang dipegang oleh Bank untuk mengurangkan risiko kredit adalah seperti berikut :

- (i) Pinjaman Projek-gadaian ke atas tanah, bangunan, loji dan jentera ,bot penangkapan ikan, tuntutan hakmilik ke atas kenderaan, deposit tetap dan sandaran ke atas saham dan sekuriti boleh pasar.
- (ii) Pinjaman Runcit-gadaian ke atas tanah dan deposit tetap untuk jenis-jenis pinjaman tertentu.

33. INSTRUMEN KEWANGAN

	Bercagar	Tidak bercagar	Jumlah	Nilai saksama Cagaran
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
2012				
Semasa	2,279,795	2,733,538	5,013,333	3,289,777
Tertunggak tetapi tidak terjejas	487,954	74,087	562,041	536,514
Terjejas	566,764	153,088	719,852	480,929
	3,334,513	2,960,713	6,295,226	4,307,220
2011				
Semasa	900,072	3,758,839	4,658,911	1,128,205
Tertunggak tetapi tidak terjejas	113,132	363,460	476,592	143,310
Terjejas	72,671	762,036	834,707	75,898
	1,085,875	4,884,335	5,970,210	1,347,413

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

33. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(b) Risiko kredit (sambungan)

Kualiti kredit pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar

Penjejasan pinjaman

Pecahan jumlah kasar pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan yang dinilai secara individu sebagai terjejas mengikut sektor dan nilai saksama cagaran yang dipegang oleh Bank adalah seperti berikut:

	Jumlah Kasar Penjejasan Individu RM'000	Peruntukan Penjejasan Individu RM'000	Nilai Saksama Cagaran RM'000
2012			
Sektor:			
Tanaman-Jangka panjang	115,070	50,498	64,572
Tanaman-Jangka pendek	14,536	9,779	4,757
Perikanan	42,687	38,335	4,353
Nilai tambah	1,466	1,276	189
Perhutanan	39,885	27,580	12,306
Ternakan-selain daripada ternakan ayam/itik	47,890	40,974	6,915
Ternakan-ternakan ayam / itik	28,461	22,454	6,007
Sokongan - Lain-lain	23,326	16,881	12,382
	313,321	207,777	111,481
2011			
Sektor:			
Tanaman - jangka panjang	101,843	40,147	61,696
Tanaman- jangka pendek	19,197	12,087	7,110
Perikanan	43,250	36,343	6,907
Nilai tambah	1,461	721	739
Perhutanan	77,220	54,519	22,701
Ternakan-selain daripada ternakan ayam/itik	52,898	43,563	9,336
Ternakan-ternakan ayam / itik	33,968	23,418	10,549
Sokongan - <i>Supplementary</i>	34,691	21,226	13,465
Sokongan - Lain-lain	42,241	36,356	12,060
	406,769	268,380	144,563

33. INSTRUMEN KEWANGAN

Pecahan peruntukan penjejasan bagi pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan secara individu dan secara kolektif adalah seperti berikut:

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Aset pada kos pelunasan		
Peruntukan Penjejasan atas Dasar Individu:		
Tanaman	60,277	52,234
Perikanan	38,335	36,343
Nilai tambah	1,276	721
Perhutanan	27,580	54,519
Ternakan	63,428	66,981
Sokongan - <i>Supplementary</i>	-	21,226
Sokongan - Lain-lain	16,881	36,356
	207,777	268,380
Peruntukan Penjejasan Secara Individu		
Peruntukan Penjejasan atas Dasar Kolektif:		
Tanaman	48,498	14,605
Perikanan	26,187	24,741
Nilai tambah	695	346
Perhutanan	385	522
Ternakan	42,780	30,862
Kredit Mikro - MUST	56,036	100,243
Sokongan - Ar-Rahnu	14,727	3,427
Sokongan - Ar-Rahnu (Fraud)	248	-
Sokongan - <i>Supplementary</i>	16,470	39,317
Sokongan - <i>Supplementary</i> (Bai Al-Innah)	61,154	106,858
Sokongan - <i>Supplementary</i> (Wawasan Tani)	7,071	8,519
Sokongan - Lain-lain	42,989	34,383
Dana Kementerian Belia dan Sukan (DKBS)	3,103	-
Skim Usahawan Komersil Tani Siswazah (SUTKS)	949	-
Dana Khas Sektor Perikanan (DKSP)	312	-
	321,604	363,823

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

33. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(b) Risiko kredit (sambungan)

Kualiti kredit pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar (sambungan)

Penjejasan pinjaman (sambungan)

	2012	2011
	RM'000	RM'000
Peruntukan Penjejasan atas Dasar Kolektif:		
Tanaman	6,240	2,829
Perikanan	27	382
Nilai tambah	87	4
Perhutanan	242	209
Ternakan	1,984	1,922
Sokongan - lain-lain	348	-
	8,928	5,346
Peruntukan Penjejasan Secara Kolektif	330,532	369,169

Risiko Kredit Dalam Aktiviti Pelaburan

Pendekatan pengurusan risiko kredit bagi aktiviti pelaburan secara keutamaannya ditentukan oleh Lembaga Jawatankuasa Pelaburan ("BIVC"). Bagi sesuatu portfolio pelaburan, penetapan had kredit dan penilaian semula dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRM) yang merupakan *middle office* bagi operasi Perbendaharaan dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti ("ALCO") untuk sokongan dan seterusnya dibentangkan kepada BRMC atau Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Polisi pelaburan Bank menetapkan had minimum gred pelaburan untuk sekuriti hutang, jenis-jenis pelaburan yang dibenarkan, had pendedahan risiko setiap pelanggan/pihak berkaitan, risiko penarafan kredit (tinggi, sederhana, rendah). Disamping itu Bank juga menetapkan had pelaburan antara bank-bank yang dikaji semula secara berkala bagi mengurangkan konsenstrasi terhadap sesuatu portfolio pelaburan.

33. INSTRUMEN KEWANGAN

Konsentrasi Portfolio Pelaburan

Profil portfolio adalah seperti berikut:

	RM'000	Komposisi (%)
Bon Korporat	1,804,995	52.18
Sekuriti Ekuiti	270,212	7.81
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,373,900	39.72
Kertas Komersil	9,955	0.29
Nilai Pembawa pada 31 Disember 2012	3,459,062	100.00
Bon Korporat	1,436,814	49.80
Sekuriti Ekuiti	504,674	17.5
Sekuriti Kerajaan Malaysia	886,678	30.73
Kertas Komersil	56,775	1.97
Nilai Pembawa pada 31 Disember 2011	2,884,941	100.00

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

33. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(b) Risiko kredit (sambungan)

Kualiti Kredit Sekuriti Pelaburan

Jadual berikut membentangkan pendedahan Bank kepada risiko kredit instrumen kewangan untuk sekuriti hutang yang diberi penarafan oleh agensi-agensi penarafan kredit luaran:

Sekuriti AFS

Penarafan	2012		2011	
	Instrumen Bukan Pasaran Wang- Sekuriti Hutang Penarafan Domestik	RM'000	Instrumen Bukan Pasaran Wang- Sekuriti Hutang Penarafan Domestik	RM'000
Penarafan PDS				
GG		817,315		163,031
Quasi-Govt/AAAAbg		277,252		279,491
AAA/AAbg		510,636		438,125
AA/Abg		138,418		421,127
A		15,346		48,366
BBB		5,019		-
JUMLAH		1,763,986		1,350,140

Kualiti Kredit Sekuriti Pelaburan

Jadual berikut membentangkan pendedahan Bank kepada risiko kredit instrumen kewangan untuk sekuriti hutang yang diberi penarafan oleh agensi-agensi penarafan kredit luaran:

Sekuriti HTM

Penarafan	2012		2011	
	Instrumen Pasaran Wang Penarafan Domestik RM'000	Instrumen Bukan Pasaran Wang- Sekuriti Hutang Penarafan Domestik RM'000	Instrumen- Pasaran Wang Penarafan Domestik RM'000	Instrumen Bukan Pasaran Wang- Sekuriti Hutang Penarafan Domestik RM'000
Penarafan PDS				
GG	-	27,311	-	26,690
Quasi-Govt/AAAAbg	-	15,057	-	14,989
AAA/AAbg	-	-	-	10,008
AA/Abg	-	-	-	34,987
Penarafan CP				
P1/M1	9,955	-	56,775	-
JUMLAH	9,955	42,368	56,775	86,674

33. INSTRUMEN KEWANGAN

(c) Risiko Kecairan

Bentuk Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah berkaitan dengan kemampuan untuk mengekalkan aset mudah cair yang mencukupi untuk memenuhi komitmen kewangan dan obligasi semasa dan yang akan datang (yang dijangka atau tidak dijangka) apabila tiba masanya tanpa menanggung kerugian yang boleh diterima.

Risiko kecairan mungkin timbul apabila terdapat ketidak seimbangan antara pembiayaan terhadap pinjaman mengikut "time bucket" yang ditetapkan. Ketidakpadanan boleh mengakibatkan kegagalan Bank untuk memenuhi obligasi kontaktual apabila tiba masanya. Oleh itu Bank perlu mengekalkan sebahagian aset mudah cair dalam bentuk tunai dan setara tunai serta sekuriti boleh dipasarkan untuk memadankannya dengan tempoh matang *time bucket*.

Pengurusan Risiko Kecairan

Risiko kecairan diuruskan melalui dasar-dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah akan menyelia ketidakpatuhan dasar-dasar tersebut.

Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti (ALCO) adalah bertanggungjawab untuk memantau pendedahan risiko kecairan manakala Perbendaharaan bertanggungjawab dalam menguruskan keperluan kecairan setiap hari. Had setiap *bucket* dipantau setiap hari dan sekiranya berlaku kekurangan atau pertambahan yang ketara ianya ditangani untuk mengurangkan pendedahan risiko kecairan oleh Bank.

Bank mengawasi kenyataan kedudukan dan struktur polisi kewangan dan mengambil langkah-langkah kawalan, secara berhemat, untuk mengurus risiko yang timbul akibat daripada ketidakpadanan tempoh matang di keseluruhan penyata kewangan dan daripada pendedahan komitmen yang belum dikeluarkan serta lain-lain obligasi luar jangka. Struktur penyata kedudukan kewangan akan diuruskan untuk mengekalkan kepelbagaian dan untuk mengurangkan konsentrasi pendanaan serta mengekalkan aset mudah cair berkualiti tinggi. Ketidakpadanan dalam penyata kedudukan kewangan terutamanya dalam portfolio pinjaman terhadap posisi pendanaan dilaporkan setiap bulan kepada ALCO. ALCO merumus dan menentukan strategi untuk mengurangkan ketidakpadanan di antara pinjaman dan pendanaan antara operasi Konvensional dan Islam serta komersil dan konsensi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

33. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

Bentuk Risiko Kecairan

Bank telah membangunkan Pelan Pendanaan Luar Jangka ("CFP") untuk menangani krisis kecairan. CFP membolehkan pihak pengurusan membuat keputusan yang tepat dalam menangani dan menguruskan krisis kecairan yang disebabkan oleh kedudukan risiko tertentu serta perkembangan pasaran yang tidak menggalakkan. Bank telah mewujudkan penunjuk amaran awal melalui pelbagai pencetus untuk mengurangkan situasi krisis kecairan dan bekerjasama dengan beberapa bank dan institusi kewangan pembangunan bagi membentuk pilihan pendanaan kontingensi semasa krisis kecairan. CFP akan dikaji semula dari semasa ke semasa untuk mengemaskini kedudukan terkini dan perkara-perkara yang berhubung dengan profil risiko kecairan Bank.

Pengukuran Risiko Kecairan

Bank mengekalkan aset mudah cair yang mencukupi (sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah deposit) bagi memenuhi kematangan secara kontrak dan sejagat serta komitmen sehingga seminggu. Bank mengekalkan aset mudah cair pada sekurang-kurangnya 7% daripada jumlah deposit sehingga satu bulan untuk memenuhi kematangan kontrak dan sejagat serta komitmen apabila tiba tarikhnya.

Sebagai sebahagian daripada pengurusan kecairan, pendedahan risiko kecairan juga diukur melalui konsentrasi pendanaan, nisbah pinjaman/pembiayaan kepada nisbah aset mudah cair, deposit, dan pelan kontingensi pendanaan. Ujian tekanan kecairan disediakan untuk memastikan Bank dapat memenuhi obligasi dengan mengekalkan penamparan kecairan yang mencukupi bilamana berlakunya *deposit run-off*. Bank menekankan kepentingan menggunakan deposit berkos rendah dan stabil sebagai sumber utama dana untuk membiayai aktiviti pemberian pinjamannya selain daripada dana berkos tinggi dan juga dana koporat.

Pengukuran risiko kecairan juga dilakukan melalui profil penyata kedudukan kewangan berdasarkan *bucket* kematangan seperti Rangka Kerja Kecairan Baru ("NLF") yang dikeluarkan oleh BNM. Had pendedahan bagi setiap tempoh *bucket* khususnya dalam jalur satu tahun dipantau dan dianalisis untuk menentukan Bank mempunyai kecukupan tunai dan aset mudah cair bagi memenuhi kontrak dan sejagat kematangan/komitmen dan menentukan punca-punca dan cara-cara untuk mengurangkan jurang .

33. INSTRUMEN KEWANGAN

Liabiliti Bank pada 31 Disember 2012 berdasarkan kepada obligasi kontrak dan komitmen tanpa diskaun

Butiran	<1 bulan RM'000	1-3 bulan RM'000	3-6 bulan RM'000	6-12 bulan RM'000	1-5 tahun RM'000	>5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Simpanan Pelanggan							
Simpanan Giro	3,256,798	-	-	-	-	-	3,256,798
Simpanan Tetap	1,464,969	721,355	657,412	857,159	78,524	-	3,779,419
Skim Dana Perhutangan							
Kerajaan	-	-	-	-	-	1,520,494	1,520,494
BNM	-	-	-	-	-	112,297	112,297
Lain-lain	-	-	6,295	6,189	8,154	-	20,638
Lain-lain liabiliti							
Lain-lain belum bayar	28,242	19,730	14,866	4,141	-	-	66,979
Skim Pampasan Kredit Padi	216	432	540	324	673	-	2,185
Jumlah Liabiliti Kewangan	4,750,225	741,517	679,113	867,813	87,351	1,632,791	8,758,810
Butiran Di Luar Penyata Kedudukan Kewangan							
Pinjaman Belum Dikeluarkan	32,667	8,857	8,857	8,857	8,857	8,857	76,952
Belanja Modal	2,904	1,280	-	-	-	-	4,184
Jumlah Butiran Di Luar Penyata Kedudukan Kewangan	35,571	10,137	8,857	8,857	8,857	8,857	81,136
Jumlah Liabiliti Kewangan dan Butiran Luar Penyata	4,785,796	751,654	687,970	876,670	96,208	1,641,648	8,839,946

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

33. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

Liabiliti Bank pada 31 Disember 2011 berdasarkan kepada obligasi kontrak dan komitmen tanpa diskaun

Butiran	<1 bulan RM'000	1-3 bulan RM'000	3-6 bulan RM'000	6-12 bulan RM'000	1-5 tahun RM'000	>5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Simpanan Pelanggan							
Simpanan Giro	2,974,721	-	-	-	-	-	2,974,721
Simpanan Tetap	1,924,754	922,434	659,744	1,165,153	76,259	4	4,748,348
Skim Dana Perhutangan							
Kerajaan	-	-	-	63,847	632,726	911,302	1,607,875
BNM	-	-	-	-	-	135,938	135,938
Lain-lain	-	-	-	23,246	23,253	-	46,499
Lain-lain liabiliti							
Lain-lain belum bayar	24,315	17,839	12,708	7,565	291	-	62,718
Skim Pampasan Kredit Padi	11	23	90	225	1,900	-	2,249
Jumlah Liabiliti Kewangan	4,923,801	940,296	672,542	1,260,036	734,429	1,047,244	9,578,348
Butiran Di Luar Penyata Kedudukan Kewangan							
Pinjaman Belum Dikeluarkan	16,690	-	-	-	-	-	16,690
Belanja Modal	850	-	-	-	-	-	850
Jumlah Butiran Di Luar Penyata Kedudukan Kewangan	17,540	-	-	-	-	-	17,540
Jumlah Liabiliti Kewangan dan Butiran Luar Penyata	4,941,341	940,296	672,542	1,260,036	734,429	1,047,244	9,595,888

33. INSTRUMEN KEWANGAN

(d) Risiko Pasaran

Risiko Pasaran

Risiko pasaran umumnya dikenal pasti sebagai risiko kerugian yang terbit daripada pergerakan kadar faedah, harga ekuiti, harga komoditi, tebaran kredit dan kadar pertukaran wang asing yang wujud dalam portfolio pelaburan. Dalam konteks yang lebih luas Bank, risiko pasaran merangkumi semua aset dan liabiliti kewangan yang dipegang oleh Bank bagi tujuan dagangan dan pelaburan. Memandangkan portfolio pelaburan Bank adalah antara 45 hingga 55 peratus daripada jumlah portfolio aset keseluruhan, dan portfolio AFS menyumbang hampir 95% daripada jumlah portfolio pelaburan, risiko pasaran terutama risiko kadar faedah adalah merupakan risiko penting kepada portfolio pelaburan Bank.

Tadbir Urus

BRMC dan BIVC berperanan melaksanakan pengawasan ke atas pengurusan risiko pasaran di peringkat Lembaga. ALCO berperanan mengawasi pengurusan risiko pasaran melalui pelaksanaan keputusan, strategi perniagaan dan pelan tindakan berdasarkan polisi dan panduan yang diluluskan oleh BRMC atau Lembaga Pengarah. Sementara itu BIVC berperanan menentu dan menyediakan hala tuju, strategi serta pendekatan pelaburan Bank sebagai satu aktiviti perniagaan yang berisiko.

Pengurusan Risiko Pasaran

Rangka Kerja Risiko Pasaran Dan Kecairan ("MLRF") yang merupakan sebahagian daripada Rangka Kerja Pengurusan Risiko ("RMF") menentukan garis sempadan yang ditetapkan oleh garis panduan Bank Negara dan menyediakan garis panduan dasar yang luas dalam menguruskan risiko pasaran. "Manual Pelaburan", "Garis Panduan Polisi Pelaburan" dan Polisi ALM menyediakan rangka kerja pengoperasian dan menetapkan kuasa dan had-had risiko. Penilaian semula dasar dan garis panduan yang berkaitan dengan risiko pasaran dikaji dari semasa ke semasa untuk mengambilkira sebarang perubahan terkini dalam strategi perniagaan, persekitaran pasaran dan hala tuju strategik Bank ke arah Perbankan Islam Sepenuhnya ("FFIB") menjelang tahun 2015 dan dibentangkan kepada BRMC atau Lembaga.

Pengurusan harian portfolio pelaburan dilaksanakan oleh Perbendaharaan. MRM berperanan sebagai *middle office* aktiviti berkaitan pelaburan dan perbendaharaan. MRM juga menyediakan penilaian bebas terhadap risiko pasaran berhubung dengan aktiviti pelaburan, termasuk cadangan untuk pengambilalihan dan penilaian yang baru pada harga *mark-to-market* dan hasil pulangan pelaburan, khususnya bagi portfolio tersedia untuk dijual. MRM menyediakan laporan bulanan kepada ALCO dan BIVC bagi tadbir urus portfolio pelaburan. Bagi pengurusan risiko pasaran keseluruhan Bank, MRM memantau risiko kadar faedah/keuntungan melalui jurang sensitiviti kadar faedah (GAP).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

33. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

(d) Risiko Pasaran (sambungan)

Risiko Tukaran Asing

